



Stesen Penyelidikan Marin UPM di Port Dickson - Kaji Aset Laut

18

Disember 2008 Bil. 59

www.tribunputra.upm.edu.my

PP10540/2/2009(020784)

MENARIK DI DALAM



UPM Pacu Kemajuan Negara
3



Sambutan Hari Raya UPM Meriah
5



Saintis UPM Terima Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008
5



UPM Dapat Emas Saintis Dunia Islam
24

WARNA KAMPUS



Aini Marina Utamakan Kualiti Modal Insan
7

UPM Universiti Penyelidikan Cemerlang

PUTRAJAYA - Kecemerlangan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam penyelidikan dan pendidikan terbukti apabila diumumkan sebagai pemenang Technology Business Review ASEAN Award 2008 for Excellence in the ASEAN Education Management Sector (Research University).

Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima trofi kristal kemenangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Chopard Malaysia, A. B. M. Shah Jahan pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan terima kasih kepada panel Technology Business Review yang memilih UPM buat kali kedua dan melafazkan penghargaan kepada semua warga UPM yang turut sama melojakkan penyelidikan dan pendidikan universiti itu ke tahap tertinggi.

UPM merupakan universiti tunggal yang memenangi kategori Research University selepas memenangi anugerah dan kategori yang sama pada tahun lalu.

Anugerah yang diperkenalkan sejak tahun 2006 itu diberikan kepada organisasi yang cemerlang meningkatkan prestasi, inovasi, kepuasan pelanggan, pengurusan sumber manusia dan tanggungjawab sosial korporat.

Pada tahun ini sebanyak 25 organisasi daripada 11 sektor korporat, awam dan diplomatik hadir pada majlis tersebut, antaranya Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Fadhillah Yusof dan Timbalan Menteri Penerangan Dato' Tan Lian Hoe.

Lebih seribu tetamu daripada sektor korporat, awam dan diplomatik hadir pada majlis tersebut, antaranya Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Fadhillah Yusof dan Timbalan Menteri Penerangan Dato' Tan Lian Hoe.



Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima trofi kristal kemenangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Chopard Malaysia, A. B. M. Shah Jahan

Foto | Ahmad Fauz ad Awai

Zalihae UPM Dapat Paten AS



Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman menunjukkan penyelidikannya kepada Mejar Dr. Faiz Khaled

PUTRAJAYA - Hasil penyelidikan pengkristalan protein dalam program angkawasan negara tahun lepas oleh penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima paten di Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

Enzim tersebut diberi nama 'Geobacillus Zalihae' sempena nama penyelidik UPM Profesor Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman.

Raja Noor Zaliha berkata enzim yang dihasilkan digunakan untuk tujuan industri seperti dalam pengeluaran bahan farmaseutikal, pencuci dan makanan tambahan.

"Dengan penemuan teknologi baharu ini dapat menjana pendapatan negara sekiranya ia dikeluarkan sendiri sekali gus menjualnya ke luar negara kerana potensi

pasaran enzim yang besar," kata Zaliha.

Beliau turut menjangkakan apabila bahan kajian tersebut mula digunakan akan membuka peluang pekerjaan yang lebih meluas kepada rakyat.

Katanya penyelidikan protein di angkasa lepas adalah penting kerana kristal protein yang lebih besar boleh dibentuk di situ.

"Kita boleh menghasilkan kristal protein yang dua kali ganda lebih besar daripada kristal protein yang dihasilkan di bumi.

"Kita perlukan kristal protein yang besar untuk melihat strukturnya, lebih besar strukturnya lebih mudah untuk mengetahui macam mana protein bertindak dan seterusnya kita dapat gunakan protein itu sepenuhnya," kata Zaliha.

GSM - Malaysia's Top Business School

Oleh Khairil Sarip

PUTRAJAYA - Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih antara dua buah Malaysia's Top Business School berdasarkan rekod cemerlang mentadbir dan meraih pengiktirafan antarabangsa.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata Kementerian telah menyediakan geran peruntukan sebanyak RM25 juta kepada GSM-UPM di mana RM13.5 juta digunakan untuk tujuan kemudahan infrastruktur dan RM11.5 juta untuk pembangunan modal insan.

Beliau berkata pemilihan GSM-UPM merupakan usaha dan pendekatan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan antarabangsa selain meningkatkan kualiti program pengajian sedia ada di sini.

"Selain GSM-UPM, Sekolah Pengajian Siswazah Penerimaan Universiti Kebangsaan Malaysia (GSB-UKM) turut dipilih sebagai Malaysia's Top Business School," katanya ketika merasmikan Kolokium Per-

niagaan Antarabangsa Pasca Siswazah dan mengumumkan Malaysia's Top Business School.

Menurut beliau, pemilihan GSM-UPM dan GSB-UKM dibuat daripada 11 sekolah perniagaan IPTA yang menawarkan kursus Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan kursus berkaitan.

"Antara kriteria pemilihan kedua-dua sekolah itu ialah mempunyai kuasa autonomi dalam pentadbiran, memiliki kaedah penyelidikan, pengajaran, pembelajaran dan pembangunan inovasi yang berkualiti serta mempunyai rangkaian antarabangsa," katanya lagi.

Pengiktirafan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat merencanakan program pengantarabangsaaan GSM-UPM untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

"Kita harap pengiktirafan itu dijadikan penanda aras oleh IPTA lain untuk mencapai program pengajian yang kompetitif dan relevan untuk pasaran negara dan antarabangsa," katanya.

Rancang Penambahbaikan Cabaran 2009



Kita telah menutup tirai 2008 dan memasuki ambang tahun 2009. Gunakan transisi fasa ini sebagai peluang muhasabah diri dan organisasi bagi merancang tindakan penambahbaikan.

Kejayaan yang dicapai oleh universiti dalam tahun 2008 merupakan hasil daya usaha dan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang warga universiti. Ia juga merupakan indikator berguna kepada kita untuk menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dalam perkhidmatan yang kita tawarkan kepada pelanggan. Kita harus memastikan budaya kualiti yang telah dipupuk untuk sekian lama dalam pengurusan dan pentadbiran universiti dapat terus disebarkan bagi mengisi ruang-ruang kosong yang telah menjejaskan keberkesanan dan pencapaian

kita pada tahun 2008. Saya berharap agar pembedayaan kualiti yang telah diterapkan menerusi Sistem MS ISO perlu diperluaskan dan bukan terhad kepada kualiti dokumentasi dan penghasilan laporan semata-mata, akan tetapi pelaksanaan aktiviti yang mencerminkan pembedayaan kualiti secara menyeluruh di universiti.

Dalam kita mengisi era universiti penyelidikan dengan nilai keserjanaan dan penyelidikan serta perkhidmatan profesional yang berkualiti dan berdaya maju, kita harus berupaya melihat keberkesanan pelaksanaan aktiviti secara menyeluruh. Kita wajar memperkuh potensi sumber manusia dan kepakaran yang dimiliki oleh universiti untuk mendepani persaingan pengajian tinggi global. Inovasi serta kreativiti seharusnya turut bercambah dengan lebih

positif termasuk dalam kalangan warga pentadbir universiti. Bagi memenuhi KPI, pendarasan dan penyelidikan perlu memberikan fokus dalam aktiviti utama universiti sementara pentadbir pula perlu meningkatkan kepakaran dan kemahiran bagi menggalas tanggungjawab pentadbiran yang lebih besar. Usaha memperkasa ketiga-tiga kumpulan utama universiti iaitu Kumpulan Pegawai Akademik, Kumpulan Pegawai Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pegawai Sokongan harus ditingkatkan secara sistematik dan terancang agar mampu melonjak kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

Kita harus insaf bahawa inovasi dan kreativiti yang dihasilkan oleh warga UPM dalam usaha meningkatkan potensi dan kecermerlangan UPM amat dialu-alukan tetapi pencapaian ini akan lebih bermakna jika dapat dikongsi dengan rakyat Malaysia menerusi publisiti media massa. Tanggungjawab sosial UPM pada masyarakat dan negara perlu digerakkan dengan lebih proaktif dan seiring dengan perkembangan dan pencapaian universiti. Ia boleh dilaksanakan dengan penulisan dalam bidang kepakaran warga universiti dalam media massa terutama dalam membantu masyarakat menyelesaikan isu semasa seperti permasalahan tanah runtuh, krisis makanan, kesan kenaikan harga minyak, kegawatan ekonomi, masalah sosial dan politik secara ilmiah dan aras nilai yang bertepatan dengan budaya di Malaysia.

Kepada warga pelajar UPM, tingkatkan kemahiran diri dengan aktiviti yang berupaya memberi nilai tambah kepada kehadiran anda dalam universiti kerana universiti merupakan ruang untuk meneroka potensi, membina keyakinan dan daya intelektual. Saya menyeru agar pelajar bukan sahaja menumpukan pembangunan sahsiah dan intelektual

dengan apa yang dipelajari dalam universiti, tetapi juga peka dan prihatin terhadap apa yang berlaku di dalam dan di luar negara. Setiap perkara yang berlaku perlu diteliti, didiskusikan dan diolah dengan melihat senario sosio ekonomi dan budaya pada masa kini dan masa akan datang. Pelajar juga harus berfikir terbuka dalam menangani perbezaan pendapat yang timbul terutama dalam usaha mencari kebenaran dengan memastikan perbezaan tersebut diselesaikan dengan daya keintelektualan yang tinggi. Pelajar tidak wajar alpa serta leka dengan isu-isu panas tetapi tidak relevan dengan pengajian di universiti. Saya percaya pelajar mampu untuk berfikir di luar kerangka universiti dalam membina wawasan sebuah negara yang maju. Ini selari dengan moto yang menjadi kebanggaan universiti iaitu "Berilmu Berbakti".

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan seluruh warga Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada saya untuk menerajui Universiti Putra Malaysia. Saya hargai setiap sokongan yang diberikan dan berdo supaya universiti ini akan dapat mencapai visi, misi dan matlamat yang telah ditetapkan. Manilah kita bersama-sama berusaha untuk mengangkat martabat pengajian tinggi negara ke suatu tahap yang membanggakan.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

Terminal Editor



Pertahankan Jenama UPM di Tahap Terbilang

Tribun Putra mengucapkan selamat menyambut Awal Muharam 1430 hijrah dan tahun baru 2009 masihi. UPM telahpun melabuhkan tirai 2008 dengan pencapaian yang amat luar biasa. Kejayaan yang digapai tidak harus menjadikan warga UPM alpa bahawa kita dalam kalangan terbilang sebaliknya kita harus berazam dengan penuh keyakinan untuk terus mempertahankan jenama UPM di tahap yang terbilang pada tahun ini.

Kejayaan UPM mendapat tempat ketiga terbaik antara 20 laman web Institut Pengajian Tinggi Awam baru-baru ini sesuatu yang perlu dibanggakan. Selain rekabentuk, grafik dan layout, aspek yang diambil kira sudah tentulah pengisiannya seperti maklumat dan berita.

Saya ingin mengupas reformasi berita laman web UPM yang dilihat berbeza pada tahun ini berbanding sebelumnya. Satu ketika dahulu saya lihat berita yang sama di dalam web lambat bertukar dengan berita-berita baru. Bagaimanapun perubahan pada tahun 2008 menggamit hati saya kerana berita-berita baru mengenai UPM kerap disiarkan di laman web dengan kadar segera. Mungkin ramai warga UPM yang tidak menyedari perkembangan tersebut.

Tahniah diucapkan kepada pemberita dan editor Tribun Putra merangkap pengendali berita web UPM kerana nilai beritanya bukan lagi berada pada tahap berita kolej tetapi anjakannya ke tahap berita media massa.

Cuma saya berharap pihak KPT melebarkan jenis pertandingan kepada Akhbar/Buletin IPTA Terbaik ada masa terdekat kerana menghasilkan berita dan artikel bercecah lebih mencabar daripada berita web akibat kekangan ruang dan seni layout.

Menyorot kejayaan penting UPM pada tahun 2008, kejayaan GSM UPM dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) antara dua buah sekolah perniagaan terbaik negara ini amat dibanggakan. Selain itu UPM dipilih sebagai pemenang *Technology Business Review ASEAN Award 2008 for Excellence in the ASEAN Education Management Sector* (Research University) membuktikan UPM sebagai universiti penyelidikan yang cemerlang.

Tahun 2008 juga menyaksikan UPM sebagai pemenang utama Anugerah Harta Intelekt Negara, terpilih sebagai ibu pejabat baru Persatuan Perikanan Asia dan IPTA yang paling banyak meraih pingat emas pada Malaysia Technology Expo.

Selain kemenangan korporat, penyelidik UPM turut mengharumkan universiti melalui beberapa penyertaan pameran penyelidikan di luar negara seperti di Jerman, United Kingdom, Belgium dan Geneva.

Pengiktirafan penyelidik UPM yang lain seperti pemenang Anugerah Inovasi Penyelidikan Sektor Awam, pemenang saintis dunia Islam ISESCO, pemenang Bio-Malaysia, pemenang Young Researcher Awards, Young Malaysian Awards, FIUW Prize dan pemenang L'Oreal for Women in Science.

Kejayaan pelajar UPM di peringkat kebangsaan tidak dilupakan seperti menjuarai nasyid dan zaini MAKUM, juara nasyid IPT, Johan pidato kemerdekaan, juara debat MADUM, juara debat Mandarin, juara Robogamez, olahragawan dan olahragawati MASUM.

Semua berita kejayaan yang saya ringkaskan ini dipaparkan dalam laman web UPM. Semoga ia mencetus dorongan kepada anda - warga UPM tanpa mengira status untuk sama-sama mengorak langkah ke arah melestarikan budaya cemerlang UPM. Akhir kata, selamat kembali ke kampus hijau kepada pelajar UPM!

Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz
Ketua Editor Eksekutif

EDITORIAL TRIBUN PUTRA 2008

Ketua Editor Eksekutif
Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz

Timbalan Ketua Editor Eksekutif
Abdullah Arshad

Ketua Editor
Khairul Anuar Muhamad Noh

Pemberita
Khairul Sarip
Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

Sub-Editor (Bahasa Melayu)
Ahmad Yusoff Buyong

Sub-Editor (Bahasa Inggeris)
Sabrina Mahli

Sub-Editor (Online)
Khairil Sarip

Pembantu Pemberita
Nor Azizah Sabirin
Kalpana Subramaniam

Penulis Bersekutu
Dr. Lim Swee Tin
Dr. Amini Amir Abdullah
Shani Nizam Sha'ri

Jurugambar
Ahmad Fua'ad Alwi
Noor Azreen Awang
Marina Ismail

Layout & Konsep
Khairul Anuar Muhamad Noh

Perunding Grafik
Arafat Mashhuri Awang

Pemasaran
Mohd Haizra Hashim
Mohd Rosli Hanafi
Kamarul Abu Bakar
Ahmad Hisham Ayub

Penyelenggara Online
Mohd Mazlimin Omar

Tribun Putra diterbitkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat di samping pelbagai rencana, berita, laporan semasa berkaitan bidang pendidikan dan

penyelidikan negara.

Surat-menyurat dan kiriman artikel/berita/rencana hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra
Bahagian Komunikasi Korporat
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor

Telefon: 03-89466013
Faksimili: 03-89422609

Email:
ka_khairul@putra.upm.edu.my
ks_khairil@putra.upm.edu.my

UPM Pacu Kemajuan Negara

SERDANG, 18 Okt - Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah kejayaan UPM di peringkat negara dan antarabangsa dalam pelbagai bidang telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat di negara ini.

Baginda berkata UPM berkongsi kekayaan ilmiah melalui kajian yang dijalankan dan mengandakkan usaha proaktif dalam menangani permasalahan yang berlaku selain mendampingi masyarakat.

"Isu seperti pemanasan global, krisis makanan, kesan kenaikan harga minyak, perubahan cuaca, kegawatan ekonomi, masalah sosial, kekeliruan politik dan masalah perpaduan perlu ditangani dengan nilai intelektual.

"Beta ingin melihat sumbangan UPM mampu memberi kesan kepada masyarakat global dan relevan dengan agenda pembangunan negara seperti pembangunan produk halal," titah baginda pada Majlis Konvokesyen UPM ke-32 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS), UPM.

Titah baginda, inisiatif UPM menubuhkan Institut Penyelidikan Produk Halal di harap akan dapat memberi sumbangan besar dalam usaha menjadikan

Malaysia sebagai hab halal bertaraf dunia.

Sultan Sharafuddin juga gembira dengan tindakan UPM untuk muncul sebagai universiti bertaraf dunia dengan memilih menjadi 'Peneraju Dunia dalam Pertanian Tropika Baru'.

"Eksplotasi kajian untuk penyelesaian masalah dan merungkai kekusutan masyarakat perlu dijadikan agenda penting dalam fungsi universiti ini," titah baginda.

Sementara itu, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin berkata universiti perlu menjadi agen sosialisasi yang menggalakkan perpaduan negara dan membantu membentuk pandangan positif dunia di kalangan pelajar apabila mereka tamat pengajian kelak.

Beliau yang juga Pro-Canselor UPM berkata bahawa universiti harus memainkan peranan utama barisan hadapan menangani cabaran perpaduan melalui aktiviti penyelidikan.

"Para graduan yang bakal menjadi pemimpin dan pewaris kepimpinan pada masa hadapan seharusnya berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan tamadun yang dibina berkekalan kepada masyarakat dan negara," katanya ketika merasmikan konvokesyen UPM sesi kedua pada hari yang sama.



DYMM Tuanku Canselor UPM bertitah pada Sesi Pertama Majlis Konvokesyen UPM kali ke-32

Foto | Ahmad Fauzid Alwi

Sultan Selangor Sampai Sumbangan Kepada 180 Anak Yatim

Oleh Khairil Sarip

SERDANG - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibtisam Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidi Fitri kepada 180 orang anak-anak yatim dari sekolah sekitar Serdang.

Anak-anak yatim yang terlibat adalah daripada Sekolah Kebangsaan Sri Serdang, Sekolah Kebangsaan Serdang, Sekolah Menengah Sri Indah, Serdang, Sekolah Menengah Sri Serdang dan Rumah Anak Yatim Nur Hikmah, Kajang.

Sumbangan Hari Raya berbentuk wang tunai itu disampaikan sempena Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih Berjemaah di Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata majlis itu merupakan acara tahunan anjuran UPM.

Dalam ucapannya beliau berkata warga UPM merasa gembira dengan keberangkatan Tuanku selaku Canselor UPM ke majlis itu dan merakamkan penghargaan kepada Puncak Niaga Holding Berhad atas kesediaan memberi sumbangan kepada anak-anak yatim.

Sumbangan kepada anak-anak yatim telah di-



Sultan Selangor menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada anak yatim

sedikan oleh Tan Sri Dato' Rozali Ismail dari Puncak Niaga Holdings Berhad dan juga selaku Pro Canselor UPM.

Selepas berbuka puasa, Baginda turut men-

jalani ibadah Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih bersama kira-kira 2,000 warga UPM dan penduduk sekitar Serdang.

Foto | Ahmad Fauzid

UPM Menang Emas BIO-MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 9 Oktober - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming memenangi pingat emas Bio-Inno Awards pada Pameran BioMalaysia 2008.

Beliau yang juga pensyarah dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM memenangi anugerah itu dengan produk *Production of Palm-Based Anti Obesity Functional Oil* iaitu penemuan sejenis minyak dikenali DAG yang dapat mengurangkan berat badan dan lemak badan.

"Penggunaan minyak ini dapat mengurangkan selera makan serta boleh mengurangkan kandungan lipid darah," katanya yang turut memenangi pingat perak dalam anugerah sama melalui produk *Novel Process for Production of Palm Diacylglycerol as Anti-Obesity Functional Fat*.

"Minyak itu tidak menghalang penyerapan vitamin ke badan manusia serta menjaga sumber tenaga kepada manusia. Ia juga kurang disimpan sebagai lemak dalam badan," katanya.

UPM turut memenangi pingat gangsa melalui Prof. Dr. Asmah Rahmat dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan produk *Strobilanthes Cripus Juice (SCJ): High in Antioxidant and Great Potential for Wound Healing for Diabetic Patients*.

UPM menghantar lima hasil penyelidikan dalam pameran yang berlangsung di Pusat Konvokesyen Kuala Lumpur pada 7 - 9 Oktober 2008 baru-baru ini.

UPM turut diberikan sijil bersama tujuh buah universiti lain dan sebuah institut penyelidikan yang terpilih menyertai Program BioNexus Partnes kelolaan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

BioMalaysia 2008 telah dirasmikan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sementara Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Maximus Johny Ongkili menyampaikan anugerah kepada pemenang.

Pameran itu yang bertemakan *Strengthening Value Creation in Biotechnology* memfokuskan aspek pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri, merujukkan platform terbaik kepada penyelidik menjajir jalinan industri bioteknologi di dalam atau di luar negara.

Sebanyak 73 penyertaan pameran yang terdiri daripada syarikat swasta, agensi kerajaan, badan berkanun, institut penyelidikan dan institusi pengajian tinggi telah menyertai pameran yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan BiotechCorp.

Pingat Young Malaysian Milik Malaysia

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

PETALING JAYA, 1 Nov - Dua penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, 40, dan Prof. Madya Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman, 36, memenangi anugerah 'Honouree of The Outstanding Young Malaysian 2008 Awards'.

Mereka berdua terpilih kerana sumbangan penyelidikan cemerlang kepada negara di bawah kategori *Scientific and Technological Development* yang dianjurkan oleh Junior Chamber International Malaysia di Sunway Convention Centre.

Dr. Taufiq yang membuat penyelidikan pemangkakan heterogen pengoksidaan selektif dalam industri petrokimia mengkaji bahan mentah dalam negara iaitu n-butana yang terdapat dalam industri petroleum negara.

"Ia sumber penting penghasilan alkena atau terbitannya selain daripada kegunaan klasik sebagai bahan pembakaran.

"Amat penting bagi negara mengeluarkan bahan akhir pengguna daripada menjual bahan mentah begitu sahaja (n-butana) kerana pada masa kini negara berusaha melangkah ke arah perindustrian," katanya.

Sementara itu, Dr. Basyaruddin yang membuat penyelidikan mengenai bio-katalis mengatakan bidang bioteknologi gelombang ketiga bakal memajukan masyarakat dalam aspek kesihatan dan alam sekitar dengan mengurangkan keberagutan



Dari kanan Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin dan Prof. Madya Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman

penggunaan kepada sumber petroleum.

Beliau merupakan di antara pelopor di Malaysia dalam bidang teori kimia dan pengkomputeran yang membuktikan penggabungan elemen fizik, matematik dan kimia di dalam biologi.

Junior Chamber International Malaysia (JCIM)

adalah sebuah organisasi di Malaysia bergabung dengan organisasi antarabangsa berperanan memupuk sikap kepimpinan dengan mengalu-alukan penyertaan peserta tanpa mengira negara, bangsa dan agama yang berumur antara 18 hingga 40 tahun.

World Leader in New Tropical Agriculture - Rozali



Tan Sri Rozali Dato' Rozali Ismail speaking at UPM's 32nd Convocation Ceremony

SERDANG, Oct 22 - Universiti Putra Malaysia's decision to select World Leader in New Tropical Agriculture is a smart move as it has connection with the tradition of the formation of UPM itself. UPM Pro-Chancellor, Tan Sri Dato' Rozali Ismail said UPM's aim in leading the world in tropical agriculture should be shouldered wholly so it could be of benefit to everyone.

"UPM not only leads the country in solving domestic-based problems but also transcends international barriers.

"Efforts in exploring the country's riches ought to be systematized so that its exploitation can be of benefit towards the quality of life of mankind," he said when delivering his speech in UPM's 32nd Convocation Ceremony during the seventh session held at the Main Hall, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural Center, UPM.

Rozali said areas of agriculture, medicine, engineering, forestry, and food science should be further intensified through this New Tropical Agriculture concept.

Graduates Urged to Contribute Back To UPM

SERDANG, Oct. 20 - Graduates of Universiti Putra Malaysia (UPM) are urged to instil the spirit of wanting to contribute back to their alma mater.

UPM Pro-Chancellor, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin said continuous support from this year's graduates will ensure the sustainability of the contributions made by alumni of previous generations.

Dr. Nayan said, as an alumna, graduates must possess the sense of wanting to continuously contribute and support the University.

"I hope that UPM Alumni will model alumni culture exercised in renowned institutes of higher learning like Harvard University.

"For instance, the alumni of Harvard has generated an annual endowment of more than USD30 billion," he said when delivering his speech in



Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin delivering his speech during the fifth session of UPM's 32nd Convocation Ceremony

UPM's 32nd Convocation Ceremony during the fifth session at the Main Hall, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural Center.

Success through High Quality Human Capital



Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek conferring degrees to graduates in UPM's 32nd Convocation Ceremony

SERDANG, 19th Oct - With the status as a Research University, it is a social responsibility for Universiti Putra Malaysia (UPM) to generate success in producing human capital of refined quality.

UPM's Pro-Chancellor, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek said, UPM's vision in research today demands the university to discover critical factors that determines the success of a research project.

"Intellectual minds should be broadened to a much universal level in providing more benefits to the people."

"The university ensures that its programs achieve the objectives outlined in strengthening ties with the community by combining the university's expertise with inputs from the society and industry supported by government agencies including MARDI, FAMA, and the Agriculture Department," he said.

He hopes that the University, media, and the industry and all other parties involved will actively conduct programs that will be of benefit to the society.

"Offer your services with full of excellence and honesty wherever you are as a way of thanking and appreciating the sacrifices made by many in generating human capital," Lim said while presenting his speech in UPM's 32nd Convocation Ceremony during the 3rd session at the Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural Center.

He said UPM is of ability to transform into a vital institution in driving the nation's development.

"I am of high confidence on UPM's readiness to compete in the international arena based on current achievements that reflects this institution's sturdiness in the higher education arena," he said.

Meanwhile, UPM Pro-Chancellor, Tan Sri Dato'

Rozali Ismail said, challenges in the job market today not only confines to competition within the country but also towards a much wider job prospects.

"The globalization arena makes competition more aggressive thus marketability values of graduates should be elevated from time to time so as to produce dynamic human capital at the international arena," he said when delivering his speech during the fourth session of the convocation ceremony.

Rozali said that various efforts have been carried out by the university in actualizing goals set through solidification of teaching and co-curriculum activities. The use of technology in education in the UPM is also widely exercised in which UPM tops as the largest community of ICT users in Malaysia and fourth in Asia among institutes of higher education. Graduates' excellence in academic must be complemented with added values in producing human capital with first class minds.

He touched on the success achieved by UPM such as the winning in two categories in the National Intellectual Property Award 2008, UPM's Graduate School of Management has been recognized by the Malaysian Government as 'Top Business School', UPM Board of Directors Chairman, Professor Emeritus Tan Sri Dato' Syed Jalaluddin Syed Salim has been announced as National Academic Personality 2007 and Assoc. Prof. Dr. Syed Omar Syed Rastan as recipient of the Innovation and Product Commercialization Award in the National Academic Award 2007.

Rozali said five UPM students represented Malaysia to the Beijing Olympics recently while 48 other athletes also from UPM represented the country in the 24th SEA Games at Korat, Thailand.

UBC Governed RM15m Negotiation Projects

By Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG, Oct 31 - University Business Centre (UBC) has profitably obtained and administered negotiations worth of RM15 million last year.

The Vice Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah said the allocation covered 77 negotiation projects as opposed to only 35 during the previous year.

"UBC has engendered RM1.5m by the means of collaborative efforts, leasing, and publication as well as business projects" he said in the Negotiation and Business Award Giving Ceremony held at Putra Banquet Hall recently.

The ceremony was held in appreciation of the effort demonstrated by the head of the negotiation project and the Liability Centre (PTJ) for actively acquiring negotiation projects worth RM250,000.

Among those who received the awards were Dr. Kulanthayan K.C. Mani who worked on the negotiation entitled Research Evaluation of Road Safety Education with the Ministry of Transportation and Assoc. Prof. Dr. Nor Kamariah Noordin - The Study of Consumption Preparedness for Sensor Technology with the Ministry of Energy, Water and Communica-

tions Malaysia.

Other recipient who received the commendable award was Dr. Shamsul Bahri Mohd Tamrin - Proposal of Conducting Studies and Organizing A Profile on Occupational Safety and Health in Malaysia, A Study to see the Correlation between Ergonomic Factor and Health Effect among VDU Consumers of Malaysian Government Servants and a study to see the Correlation between Ergonomic Factor and Acute Back Injury as well as Chronic Back Pain among nurses in Malaysia together with The Ministry of Occupational Safety and Health Malaysia.

Dr. Mohd Fadlee A. Rasid was among the negotiators who worked on the Study of the Development of Wireless Sensor Network for Agriculture and Industrial Application along with Ministry of Energy, Water and Communications Malaysia. Also a proud recipient was Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad - New Agrofood Marketing System: Structural and Impact Analysis and the Study of Plan on Balance of Trade (BOT) jointly with FAMA and the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry.

Prof. Dr. Dzolkhifli Omar (Development of a Bio-

logical Control Program for Management of Insect Pests of Tobacco Study on Residu of Methylsulfonyl Methyl in Oil Palm) with Philip Morris (M) Sdn. Bhd. and Crop Protection (M) Sdn Bhd. Also a proud recipient was Prof. Jinap Selamat - Quality Assessment of Convenience Foods for Experts jointly with FAMA).

Prof. Dr. Yaakob Che Man with the Develop Course Module 3 of Halal Training Program together with Halal Development Corporation, Prof. Dr. Mad Nasir Shamsudin - Food Consumption and Demand Analysis with FAMA and Prof. Dr. Fakhru'l-Razi Ahmadun - Community Preparedness and Emergency Response Plan for Tsunami Disaster with the Science Academy were among the recipients.

Another competent recipient was Prof. Dr. Jariah Masud - The Study on Poverty of Certain Districts for the purpose of Drafting the 2008 Budget, cooperatively worked with The Ministry of Finance Malaysia, Prof. Dr. Azizah Osman - Post Harvest technology and Value Added Possibilities for Fruits and Vegetables, another project with FAMA and Assoc. Prof. Dr. Shameem Mohd Rafik Khan @Rafik

- Galea - A Study Program on Aviation English with the Civil Aviation Department.

Five faculties were honoured with the PTJ Awards for Excellence in Negotiation attributable to their competence in obtaining high-valued negotiation last year. Among the recipients were the Faculty of Engineering with projects valued at RM6.6m, Faculty of Medicine and Health Science (RM1.2m), Faculty of Economics and Management (RM588,000) Julian Roe, Khalip A. Rafar, Prof. Dato' Dr. Nik Muhammad Nik Ab. Majid, Prof. Madya Dr. Johari Endan and Zulkiflee Othman has each received the Business Appreciations Award for their contributions in the UPM business development.

The UPM Business Idea and Business Plan Competition award was granted to Assoc. Prof. Dr. Abd. Azim Abdul Ghani and Adi Aizat Abdul Latif who represented UPM in the MSC-IHL Business Plan Competition 2007 organized by MDec.

The winners each received a certificate and a memento presented by Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah, UPM Vice Chancellor and the Director of UBC, Assoc. Prof. Dr. Husaini Omar.

Sambutan Hari Kualiti dan Aidilfitri dibuat berturutan

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

SERDANG, 29 Okt - Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Majlis Hari Raya Aidilfitri Peringkat universiti dibuat secara berturutan pada hari yang sama.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, tujuan pelaksanaan kedua-dua majlis adalah bagi memperkukuhkan jiwa, memupuk semangat kerjasama disamping dapat mengeratkan silaturahmi.

Katanya, keharmonian dan kebajikan di kalangan staf UPM sentiasa diberi keutamaan dalam mewujudkan perpaduan yang berterusan.

"Saya berharap dengan majlis seperti ini, semua di antara kita dapat meningkatkan kesedaran budaya kerja berkualiti di kalangan staf universiti," katanya di majlis yang berlangsung di Panggung Percubaan, UPM.

Satu ceramah Integriti telah disampaikan oleh Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr. Mohd Tap Salleh bertujuan memantapkan lagi kerohanian, mental dan fizikal staf UPM dalam melaksanakan urusan kerja seharian.

Sebaik tamat aktiviti ceramah, semua staf UPM dijemput terus ke Dewan Banquet untuk sambutan Majlis Hari Raya.

Seramai 3 ribu orang termasuk Pihak Pengurusan Universiti, Pegawai Kanan dan semua staf UPM turut hadir bagi memeriahkan lagi jamuan hari raya yang diserikan dengan persembahan oleh penyanyi Aishah.

Majlis itu telah memberi kesempatan kepada staf UPM untuk beramah mesra dan memohon ke-maafan di antara satu sama lain dalam mewujudkan keinsafan di antara kakitangan tentang kepentingan hidup bermasyarakat.



Dr. Nik Mustapha (dua dari kiri) dan isterinya (kiri) menunjukkan kebolehan menggoreng char kue teow kepada tetamu majlis

UPM Terima Anugerah Kualiti Sektor Awam

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh



Dr. Mohd Hair Bejo (kiri) menerangkan produk penyelidikan kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kanan)

PUTRAJAYA, 16 Dis - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memenangi anugerah Inovasi Penyelidikan antara Sektor Awam dengan Sektor Swasta 2008 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Kumpulan dari Fakulti Perubatan Veterinar UPM yang terdiri daripada Prof. Dr. Mohd Hair Bejo, Prof. Dr. Aini Ideris dan Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Omar telah menjalankan projek penyelidikan bertajuk "My-VAC UPM93 Infections Bursal Disease Vaccine".

Ketua projek kumpulan tersebut, Dr. Mohd Hair berkata projek itu merupakan vaksin untuk merawat wabak penyakit jangkitan bursa (IBD) atau Gumboro pada ternakan ayam akibat virus IBD yang sangat aktif hingga menyebabkan kerugian ekonomi lebih daripada RM72 juta setahun di Malaysia.

"Kerugian ini disebabkan kematian tinggi dan kehilangan daya tahan pada ternakan ayam.

"Rawatan bagi IBD tidak berkesan dan penyakit itu hanya boleh dicegah dengan program vaksinasi dan biosekuriti. Bertolak dari situ kami telah mengkomersilkan MyVAC UPM93 IBD vaksin yang selamat

dan berkesan untuk ayam dari jangkitan di ladang," katanya.

Beliau berkata vaksin itu telah lulus kesemua keperluan ujian makmal seperti ujian keselamatan, steriliti, berulang menjadi aktif dan bebas daripada virus lain.

Dr. Mohd Hair berkata kajian membuktikan My-VAC UPM93 IBD selamat, berkesan dan boleh menghasilkan paras antibodi yang tinggi dan melindungi ayam.

Katanya vaksin yang telah berada di pasaran sekarang dan diedarkan oleh Malaysia Vaccines and Pharmaceutical Sdn. Bhd tidak mengganggu tumbesaran dan prestasi ayam.

Anugerah telah disampaikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi sempena Majlis Penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008 baru-baru ini.

Kumpulan tersebut membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.00, sijil penghargaan berbentuk plak bagi UPM dan sijil penghargaan berbentuk plak bagi sektor swasta iaitu Malaysian Vaccines and Pharmaceuticals Sdn. Bhd. (MVP).

Dr. Aini kini TNC Akademik dan Antarabangsa

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz



Dr. Aini (kanan) dan Dr. Khatijah (kiri) semasa majlis peralihan dan perpisahan TNC Akademik dan Antarabangsa

SERDANG, 23 Dis - Mantan Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baru mulai 1 Disember 2008 selama 3 tahun oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Peralihan Dr. Aini Ideris menggantikan mantan rakan sejawatnya, Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff yang kini berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau berazam untuk meningkatkan prestasi akademik UPM di peringkat universiti, negara dan antarabangsa.

"Saya berharap dapat meningkatkan keupayaan staf akademik UPM dari segi kapabiliti, pengeta-

huan, prestasi kerja dan penerbitan jurnal berimpak tinggi," katanya.

Beliau berkata akan meningkatkan jaringan industri yang lebih luas dengan universiti terbuka luar negara melalui perkongsian pembelajaran dan pengajaran.

Dr. Aini mendapat ijazah Doktor Perubatan Veterinar daripada Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1979, berkhidmat sebagai tutor di UPM dan mendapat Sarjana Sains Veterinar (MVSc) dari University of Liverpool, England pada 1981 serta mendapat ijazah Doktor Falsafah dari UPM dan University of Queensland, Australia pada tahun 1989.

Beliau juga telah menghasilkan sebanyak 400 penerbitan artikel dan menganggotai sidang editorial beberapa jurnal tempatan dan antarabangsa.

Produk Karatofu Juara Inovasi Makanan

Oleh Khairul Sarip

SERDANG, 10 Nov - Produk makanan "Karatofu", sejenis tahu berasas kacang soya ditambah lapisan kacang hitam dipilih sebagai pemenang pada pertandingan Hari Pengenalan Produk Baru Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Produk pelajar fakulti itu dari kumpulan Beanilicious dipilih kerana aspek kreativiti terhadap produk lama dan teknik pembungkusannya yang kreatif.

Ketua kumpulan, Fareza Ibrahim berkata kemenangan yang diperolehi kerana tahu yang dihasilkan memiliki keunikan dari segi pembungkusannya dan mudah di bawa ke mana-mana.

Tempat kedua disandang oleh produk ChoCtempt iaitu sejenis bar coklat menggunakan tempe sebagai bahan utama, manakala tempat

ketiga pula dimenangi oleh produk pemanis yang diperbuat daripada 100 peratus sumber tumbuhan bijirin dan susu soya yang dikenali sebagai Favouroat.

Pemenang masing-masing menerima wang tunai RM500 (Pertama), RM300 (Kedua) dan RM200 (Ketiga) serta sijil penyertaan dan hadiah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew.

Terdahulu, Ketua Jabatan Teknologi Makanan UPM, Prof Madya Badlishah Sham Baharin berkata pertandingan tahunan yang diadakan sempena Hari Makanan Sedunia itu menunjukkan kemampuan UPM mencipta produk makanan berkhasiat untuk di komersilkan.

FMHS Involvement in AADC Research

By Mohd Haizra Hashim



Datuk Ir Idris Haron mingling with some of the participants at the seminar

SERDANG 7 Nov – Faculty of Medicine and Health Science (FMHS), UPM joined hands with AADC Research Trust, UK in co-hosting Paediatric Neuro-transmitter Diseases seminar. The seminar aimed to discuss on AADC, a disease found in children which most of the times regarded as an untreatable disease.

Assistant Secretary of the seminar, Melati Khalid mentioned that 5 out of 72 people have been diagnosed with AADC around the world.

Prior to the seminar, a forum was held and attended by parents of AADC patients and the disease's specialist.

The discussion and the forum gathered medical specialists from AADC Research Trust, Taiwan, Singapore and Australia, as well as lecturers and medical practitioners from UPM and Kuala Lumpur Hospital.

The seminar, officiated by Deputy Minister of Higher Education, Datuk Idris Haron was also attended by paediatric neurologists and researchers

such as Dr. John Earl, Dr. Simon Heales from College University London, Prof. Dr. Stacey Tay (National University Hospital, Singapore) and Dr. Ngu Lock Hock (Kuala Lumpur Hospital) as well as post-graduate students from around the region.

According to Melati, among common symptoms of AADC in children are physically and mentally hindrance in growth, dystonia attack, sleeping disturbance, body temperature instability, and hypoglycaemic.

She informed the media that aromatic-L-Amino acid Decarboxylase Deficiency (AADC) is a genetic disease where parents carry the AADC deficient genes and the risk of contracting the disease is one in every four pregnancy.

"Children diagnosed with AADC physically look weak since birth and refuse to learn to lift up their heads. They will encounter problem while feeding as they are not able to suckle properly," said Melati, who also raises a child living with AADC.

Female Scientist Gets Recognition

By Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz



Dr. Sharmili Vidyadaran (center) with Dr. Cheong Sok Ching and Sharaniza Ab Rahim

KUALA LUMPUR Oct 30th – A female lecturer at Immunology Unit from the Department of Pathology University Putra Malaysia (UPM), Dr. Sharmili Vidyadaran has been chosen as the recipient of L'Oreal for Women in Science Fellowships 2008 Award in a ceremony held at Carcosa Seri Negara recently.

Dr. Sharmili brought home research grants worth of RM20,000 from Women in Science Fellowships presented by Managing Director of L'Oreal Malaysia, Jean-Francois Couve.

"It is my wish that L'Oreal's recognition for women involvement in science will improve the perception of the public as well as to excite the interest of our youths to consider science as their mainstream.

"This award can be considered as a stepping stone for me to progress with my career as the coun-

try's female scientist," according to her who also stressed that the great hindrance a scientist could face is to obtain grants to aid their research.

Dr. Sharmili is currently conducting a study on identifying genetic cell that caused inflammation of the brain resulting in Alzheimer, Parkinson and stroke.

"Should the cell be identified; the inflammation will be controllable hence preventing the mentioned illnesses," she said.

The award was introduced to our shores since 2006 following the support received by L'Oreal Malaysia from Academy of Sciences Malaysia, Malaysian National Commission for UNESCO, The Ministry of Science, Technology and Innovation and the Ministry of Higher Education.

UPM Developed Commercially Valued Research

By Jami'ah Shukri (Berita Harian)



The researcher, Prof. Dr. Yaakob is explaining on how the halal detector equipment is used at HPRI UPM during a visit by the Minister in the Prime Minister's Department to HPRI recently

Halal products and river pollution may be of different topics but they sure make the front line when it comes to intense debate. The process to identify whether the products are halal or free from pork is often difficult. The same applies to the treatment of polluted river, both can be costly.

There is a proper method to detect whether the product is halal especially in food and polluted river can be determined with a certain method as well. For the same cause, Universiti Putra Malaysia (UPM) is aggressively working on researches and successfully developed products that can be commercialized.

To date, there are 1,715 research projects involving various fields with allocated grants worth of RM237.8 mil. 27 products have been patented and 165 are pending. This year foresees 50 products to be patented for related purposes.

UPM recently publicized two researches that are able to detect meat based food whether it is free from pork by applying RealTime PCR and detecting level of pollution in the river by applying Kit Xenoassay to determine heavy metal that is enzyme based.

In relation to the effort of detecting halal food products, Director of Halal Products Research Institute, (HPRI) UPM, Prof. Dr. Yaakob Che Man, asserted that the issue is a hot topic recently mainly in determining the halal status of food product which includes those that is based on meat.

He explained that the most common case is the irresponsible act of mixing inexpensive and high-priced meat products with pork in order to reduce production cost. At the moment, the only measure taken to ensure that the product is free from pork is a stringent supervision by department of Islamic Development Malaysia, (JAKIM).

The alternative method developed by UPM will be able to detect a trace of deoxyribonucleic acid (DNA) in the meat based food product as well as poultry by using Real-Time PCR which will target swine's DNA to determine the halal status in food products, cosmetics and other materials.

"The developed method is highly effective and receptive where it is competent to detect the presence of even 0.001 milligram of swine's DNA. The process is prompted by extracting DNA from the sample to be placed in a special machine. The desired result will be ready in two hours.

"The process is quick, responsive, accurate and able to be automated to detect the pork stained content. JAKIM used to take two days to detect pork in meat product using their method but still it was to no avail.

"The DNA based detection is reliable and more stabilized due to high temperature, pressure and chemical content as opposed to fat and pro-

tein", he explained.

Based on the technology acquired by UPM, it will utilize the method to assist JAKIM in detecting the content to give assurance to the public the purity, cleanliness and halal authenticity.

He hoped that the method discovered will convince the society towards food that is confidently manufactured of which the Muslim never regards lightly.

Meanwhile, a lecturer with Biochemistry Department, Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences, UPM, Dr. Yunus Abd Shukur, informed the media that heavy metal waste pollution in this country has stretched to a hazardous level and one should be concerned of the water they drink because stained water doubles as silent killer and it is capable to put enzyme activities of the ecosystem to a halt.

According to him, the Malaysian Environmental Quality report stated that 927 monitoring stations of the total 120 river basins, 53 percent were deemed clean, 33 slightly polluted and 15 polluted.

An estimated 10.4 percent out of 420,000 tonne scheduled waste material contained heavy metal especially those in a form of mud soil which is concealed to the naked eye.

Mercury, a type of heavy metal used in manufacturing PVC and gold mining; battery and electronic, photography; arsenic (discovered in groundwater and pesticide) also contribute to unceasing pollution of the river.

"This is when Kit Xenoassay comes in handy, to determine the trace of heavy metal in polluted river. The kit is highly responsive towards any heavy metal hence simplifying the detection of metal polluted river," as he further explained.

The kit contained papain enzyme from papaya fruit that will be able to measure various water samples, with the ration of 100 to a kit and it only costs RM0.50 to RM1 as opposed to RM25-RM50 worth of atomic spectrometry absorption technique currently used by the Department of Environment.

"The advantage of this kit is it can detect the trace of heavy metal that causes the river pollution. The type of heavy metal will then be determined at the laboratory. It is declared metal-free when the water sample remains blue," he said and informed that the kit will be on the market somewhere next year.

The portable kit is suitable for everyone including students. It has won a gold medal and Malaysian Product Innovation Award and at this point of time it is already patented and trademark registered. The innovative invention is documented in Analytica Chimica Acta and Applied Biochemistry and Biotechnology journals.

WARNA KAMPUS

Akhbar Ceria

TRIBUN PUTRA • Disember 2008 • Tel: 03 - 8946 6013 • Faks 03 - 8942 2609 • E-mel: ks_khairil@putra.upm.edu.my

**MENARIK
DI DALAM**



**Pendaftar UPM,
Wan Azman**

» 8



**Setiasusaha
Agung ASEAN,
terima Ijazah
kehormat**

» 12



**Zahid Hamidi
terima Ph.D.**

» 12



**Kembar dapat
Ijazah UPM**

» 14

Aini Marina, Bukti Jadi Pelajar Cemerlang

Oleh Khairil Sarip

“Mudah bagi menjadi pelajar cemerlang – sentiasa menitikberatkan nota kuliah dan sentiasa berjumpa dengan pensyarah jika tidak memahami sesuatu subjek selain berusaha menyiapkan tugasan lebih awal,” kata pemenang Pingat Emas Canselor Majlis Konvokesyen UPM ke 32 ini.

Gadis berusia 23 tahun ini memurah dengan senyuman dan mudah didampingi telah membuktikan kecemerlangan walaupun dibelenggu dengan tugasan, aktiviti kokurikulum dan kemasyarakatan selain aktif dengan kelab, sesuai dengan pepatah yang dipegangnya - *extraordinariness can come out of ordinary lives.*

“Untuk cemerlang, pelajar perlu jadi proaktif. Mesti terkedepan dari orang lain dan sentiasa *updated*”

Aini Marina Ma'rof, bekas pelajar Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) kini menjadi tutor di Fakulti Pengajian Pendidikan berpendapat pelajar yang ingin berjaya perlu bersikap efisien, proaktif dan konsisten serta mempunyai matlamat jelas dalam mencapai impian masing-masing.

“Untuk cemerlang, pelajar perlu jadi proaktif. Mesti terkedepan dari orang lain dan sentiasa *updated*,” katanya anak sulung kepada pasangan Dr. Ma'rof Redzuan dan Rosmaniar Mohd Nor, masing-masing merupakan pensyarah dan staf UPM.

Aini memastikan nota kuliahnya ditulis sendiri dan lengkap selain mencari maklumat tambahan jika nota tersebut tidak lengkap.

“Kita perlulah sentiasa ikhlaskan diri untuk membantu sesiapa yang memerlukan pertolongan selagi mampu kerana saya percaya jika kita rajin meringankan beban orang, Allah juga akan meringankan beban kita kembali,” katanya.

Pada masa lapang, Aini Marina lebih suka menghabiskan masa dengan aktiviti berkebelan bersama ahli keluarganya di samping memelihara haiwan ternakan lain kerana dia sekeluarga sibuk dengan aktiviti tersebut.

Ketika ditanya siapa yang banyak mendorong dan membantu sehingga berjaya, Marina menjawab ibu bapanya banyak memberi sokongan padanya dan dia ingin menjadi seperti bapanya pada masa akan datang.

Melihat mengenai perancangan masa depan, Marina berkata dia akan melanjutkan pelajaran peringkat PhD ke Amerika Syarikat dalam bidang Psikologi Kognitif dalam Pendidikan, dengan pengkhususan dalam Pemikiran Kreatif.

“Hargailah masa dan peluang yang ada kerana *we pass this road once and only once.*”

iti berkebelan bersama ahli keluarganya di samping memelihara haiwan ternakan lain kerana dia sekeluarga sibuk dengan aktiviti tersebut.

Ketika ditanya siapa yang banyak mendorong dan membantu sehingga berjaya, Marina menjawab ibu bapanya banyak memberi sokongan padanya dan dia ingin menjadi seperti bapanya pada masa akan datang.

Melihat mengenai perancangan masa depan, Marina berkata dia akan melanjutkan pelajaran peringkat PhD ke Amerika Syarikat dalam bidang Psikologi Kognitif dalam Pendidikan, dengan pengkhususan dalam Pemikiran Kreatif.

“Hargailah masa dan peluang yang ada kerana *we pass this road once and only once.*” katanya mengakhiri perbualan.

FAKTA

Nama penuh:
Aini Marina Ma'rof
Jawatan:
Tutor, Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM
Tempat lahir:
Kuala Lumpur
Bintang:
Taurus
Berat:
45kg
Tinggi:
161cm



Foto | Ahmad Fau'ad Alwi

Wan Azman Mantapkan Sumber Manusia UPM

Oleh Khairul Anuar Mohammad Noh dan Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz



Wan Azman sentiasa ceria ketika berada di pejabatnya

Tada siapa menduga rezeki seseorang manusia tidak pernah dijangkakan. Anak kelahiran Pasir Mas, Kelantan, yang lebih separuh daripada usianya dibesarkan di Selangor, Wan Azman Wan Omar, 49, Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM) berasa bertuah kerana dapat berkhidmat di bumi UPM yang penuh keunikannya tersendiri.

Berkelulusan ijazah Komunikasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1983 dan ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari UPM pada 1999. Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir di UPM pada September 1983 di Fakulti Sains dan Teknologi Makanan dan berpindah ke Bahagian Akademik pada 1989.

Pada tahun 1999 beliau memegang jawatan Timbalan Pendaftar, Timbalan Pendaftar Kanan pada 2002 sehingga menajawi jawatan terkini bermula 1 Jun 2007.

Beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPM sebanyak tiga kali pada 1994, 1997 dan 2004, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bahagian / Jabatan sebanyak 10 kali dan Setia Putra UPM pada 2004.

Tribun Putra (TP): Apakah sumbangan saudara kepada UPM sendiri?

Pada tahun 1983 sehingga 1988, saya bekerja sebagai wakil pendaftar di fakulti.

Semasa di fakulti, saya terlibat dalam semua aktiviti dan program akademik dan bukan akademik, seperti pembentukan kurikulum, perancangan strategik atau pembentukan sahshiah pelajar dan kakitangan. Program keusahawanan pelajar sebenarnya telah dimulakan di fakulti apabila kami berjaya menubuhkan unit roti untuk latihan amali pelajar, menjual roti tersebut kepada warga UPM dan berupaya membekal keperluan kafeteria asrama dan kedai sekitar Serdang pada awal tahun 80an lagi.

Semasa di Bahagian Akademik, saya telah mengetahui pasukan untuk membangunkan Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan juga Sistem Maklumat Jadual

Waktu Bersepadu (SJWB). Kedua-dua sistem ini telah berjaya menjimatkan masa untuk pengurusan dan juga telah menjimatkan tenaga untuk mengendalikannya. Sistem ini telah menjadi asas kepada sistem yang ada sekarang dengan beberapa penambahbaikan sesuai dengan keperluan semasa.

Semasa di Bahagian Akademik saya telah bertindak selaku ketua Urusetia kepada Jawatankuasa Kerja Pelan Tindakan Rancangan Akademik UPM (1991-2000) yang telah menjadi asas kepada arah halatuju universiti untuk perancangan berikutnya.

Semasa bekerja di Pejabat Pendaftar, satu Sistem Pengurusan Kualiti dibentuk di mana saya telah dilantik sebagai Wakil Pengurusan dan dengan kerjasama semua pihak, Pejabat Pendaftar telah berjaya mendapat pensijilan ISO 9001:2000, ianya merupakan entiti pentadbiran utama yang pertama di UPM mendapat pensijilan tersebut dan usaha tersebut diteruskan lagi dengan penggabungan semua entiti di bawah Pejabat Pendaftar.

Saya menggerakkan penerbitan Buku Panduan Perkhidmatan UPM yang merupakan buku rujukan pertama yang memudahkan pegawai UPM mengetahui perkhidmatan berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia serta perundangan.

Usaha digerakkan untuk menyediakan satu dokumen lengkap keperluan latihan kepada semua peringkat kakitangan UPM dan hasilnya sebuah buku Program Pembangunan Profesional Staf UPM telah dikeluarkan. Ketelusan merupakan aspek penting dalam keupayaan pelanggan, dengan itu usaha sekali lagi digerakkan untuk menyediakan garis panduan kenaikan pangkat, hasilnya Buku Garis Panduan dan Kriteria Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik UPM yang saya hasilkan bertujuan untuk menerangkan proses dan prosedur kenaikan pangkat di UPM, telah menjadi satu peraturan yang standard yang digunakan oleh semua PTJ dan memudahkan pemohon untuk mengetahui langkah mengurus, mengawalsela serta memantau proses berkaitan.

Saya juga kemudiannya telah memperkenalkan aplikasi dalam talian seperti Sistem Permohonan Jawatan (spjonline) bagi proses pelantikan, Sistem Pengurusan Penilaian Tahap Kecekapan (spjonline) bagi memohon menduduki Peperiksaan PTK dan Sistem Pelaporan Pelan Integriti Nasional (SPIN) bagi memudahkan pengumpulan laporan daripada pusat tanggungjawab (PTJ) berkaitan Pelan Integriti Nasional.

Usaha lain yang telah saya usaha untuk memberikan sumbangan kepada

“Sebelum saya memilih kerjaya di UPM, saya pernah ditawarkan jawatan wartawan di Utusan Malaysia pada tahun 1983 di mana rakan seangkatan telahpun menajawi jawatan sebagai pengarang”

UPM adalah seperti memperkenalkan Head Hunting Program untuk mencari calon-calon pensyarah berkelulusan PhD di luar negara. Program tersebut sangat berjaya dan UPM telah dapat menjimatkan kos yang besar dalam pelaburan tenaga akademik yang berkualiti.

Saya turut memperkenalkan program Integrated Development and Remodeling for Excellent (IDARE) membentuk pelapis pemimpin yang akan mengurus dan mentadbir universiti pada masa hadapan, selain daripada untuk membentuk personaliti berprestasi tinggi di kalangan pentadbir UPM.

TP: Apakah falsafah kerja saudara?

Saya selalu menganggap diri saya sebagai pelanggan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh UPM, dengan itu saya mahukan yang terbaik dan saya juga perlu berikan yang terbaik. Saya juga tidak pernah berasa puas hati dengan pencapaian yang ada.

TP: Nasihat kepada pentadbir dari aspek sumber manusia dan pentadbiran di UPM merujuk pengalaman saudara?

Sebagai seorang individu, pentadbir atau siapa sahaja kita, kita hendaklah pandai mengurus masa. Mereka yang selalu tidak menepati masa, sebenarnya tidak boleh mengurus diri sendiri, jika diri sendiri tidak boleh diuruskan maka tidak mungkin kita berupaya untuk mengurus orang lain.

Jangan mudah berpuashati dengan apa yang telah dilakukan, kerana setiap perkara sentiasa boleh dibuat dengan lebih baik lagi. Tingkatkan keyakinan diri, banyakkan bergaul dan jangan kedekut dengan pengetahuan yang ada dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

Kakitangan adalah sumber terpenting dalam apa jua organisasi, maka pastikan kita mencari yang terbaik untuk ditempatkan yang terbaik bagi melakukan kerja yang terbaik.

Dr. Amini Amir Bin Abdullah
Pegawai Pasai Islam
Universiti Putra Malaysia

MIMBAR TRIBUN
SAXANGILAH RASULULLAH S.A.W

ISLAM DI UFUK BARU



Baru-baru ini bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur, telah berlangsung Persidangan Antarabangsa Horizon Baru Pengajian Islam. Saya berasa sungguh gembira melihat para sarjana dari 22 buah negara di dunia membincangkan permasalahan terkini umat Islam dan negara-negara Islam.

Saya berasa teruja melihat perkembangan ekstensif bidang-bidang pengajian Islam di Jepun yang semakin terserlah dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini. Ini terbukti dengan begitu banyak kertas kerja yang dibentangkan oleh para sarjana dari berbagai universiti dan institut di Jepun. Mutu pembentangan kertas kerja mereka juga agak memberangsangkan disusuli dengan sesi perbincangan dan soal-jawab yang begitu ilmiah.

Saya juga berasa begitu teruja apabila dimaklumkan bahawa terjemahan daripada kitab suci Al-Quran dalam berbagai versi bahasa merupakan di antara penerbitan paling laris dijual di atas muka bumi ini selepas peristiwa 11 September 2001. Sesungguhnya terdapat berbagai hikmah di sebalik insiden tersebut.

Saya juga mendapat maklumat bahawa sebaik sahaja Barack H. Obama dilantik secara rasmi menjadi presiden Amerika Syarikat (AS), ramai umat Islam berasa sungguh gembira. Saya percaya kegembiraan ini berakar umbi kerana harapan umat Islam untuk melihat berlaku anjakan paradigma dalam dasar

TP: Apakah harapan dan pandangan untuk lebih memperkayakan UPM?

Saya berpendapat, kita perlu mendapatkan kakitangan yang berkualiti, meningkatkan keupayaan kakitangan yang ada untuk menjadikan mereka lebih berpengetahuan, berkemahiran berkeyakinan supaya dapat memberi sumbangan yang berkesan. Kita juga perlu memastikan UPM sentiasa menjadi pilihan calon yang terbaik untuk meneruskan pengajian di UPM dan perlu pada masa yang sama mempunyai program akademik yang sentiasa dikemaskini supaya standing dengan universiti-universiti terkemuka di dunia.

Pada masa yang sama kita akan sentiasa memastikan segala infrastruktur untuk menyokong aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional serta persekitaran kerja yang sangat kondusif, memenuhi segala keperluan dan sesuai dengan peradaran

luar AS yang membabitkan negara Islam dan hal ehwal umat Islam. Saya juga percaya Obama akan memberi perhatian serius kepada hegemoni Barat, penguasaan Zionis dan masalah Islamophobia.

YM. Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak dalam ucapan perasmian persidangan tersebut telah menekankan bahawa Islam sebenarnya mementingkan ilmu pengetahuan dan keperluan ilmu untuk kelangsungan umat Islam. Baginda telah menekankan betapa salah faham antara agama telah memporak-perandakan keharmonian dan kerukunan hidup masyarakat dunia.

Pembangunan negara kita bermula sejak kemerdekaan diikuti dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000) dan Misi Nasional (2001-2010) serta seterusnya impian mencapai Wawasan 2020 memantapkan bahawa Malaysia sebagai model negara Islam contoh adalah selari dengan kemajuan fizikal dan spiritual seperti yang dituntut oleh Islam. Apa yang perlu menjadi perhatian kita sekarang ialah kebolehan kita untuk menjadi playmaker dan mampu memperbetulkan semua salah faham berkaitan Islam kepada kelompok bukan Islam. Ini adalah satu keperluan memandangkan agama Islam begitu cepat berkembang dan begitu menjadi perhatian kebelakangan ini. Insiden keganasan di Mumbai, India banyak memberi pengajaran kepada kita untuk memperbetulkan persepsi tentang jihad sebenar.

Pendekatan Islam yang moderate dan tidak ekstrem boleh membetulkan persepsi salah berkaitan ajaran Islam yang sebenar. Islam sebenarnya adalah cara hidup yang komprehensif yang mencakupi semua aspek kehidupan dan bukanlah agama yang jumud, ganas dan statik seperti yang digembar-gembarkan oleh sesetengah pihak yang bermat jahat. Adalah menjadi tanggungjawab besar umat Islam untuk melonjakkan kedudukan agama Islam. Tugas ini menjadi tanggungjawab semua pihak.

Persekitaran tersebut akan meningkatkan budaya berprestasi tinggi di kalangan semua komuniti yang ada di dalam kampus. Dengan lain perkataan, kita akan mewujudkan aura akademia di kampus UPM.

Saya harap pada setiap masa dan pada masa hadapan, apabila kita masuk ke kampus serdang, kita akan melihat suatu identiti akademia, perbincangan-perbincangan yang berlaku menggambarkan suasana keilmuan yang tinggi dan UPM akan sentiasa menjadi rujukan dalam bidang kekuatannya baik dari dalam negara atau luar negara. Kalau kita membina bangunan pun, bangunan tersebut perlu mempunyai identiti akademia.

Perancangan yang menyeluruh dan terancang dalam segala aspek perlu dibuat, daripada sumber manusia, kewangan hinggalah kepada infrastruktur. Kita perlu ada blue print untuk masa hadapan. Kita perlu sentiasa berani untuk berubah dan bersedia menghadapi cabaran.

PREMIERE HEALTHCARE IN MALAYSIA



Foto || Noor Azreen Awang

Professor Dr. Mohd Yunus
Faculty of Medicine and Health Sciences

Since its introduction in Malaysia, the Primary Health Care (PHC) has emphasized the human rights perspectives and adopted strong comprehensive approaches toward "upstream intervention" that not only identify health determinants but also investigating the con-

ditions leading to disease and health problems. Through the integration of the role of different sectors and their services on health, PHC aims to bridge the equity gaps particularly between the poor and marginalized rural population. By advocating social, culturally and technologically

appropriate methods, effective community participation is fostered. The crucial change from mere participation to participatory involvement of community has been made possible through empowering the people with the knowledge and responsibility for their actions. The philosophy of PHC in Malaysia is founded on strong belief that the health care system be enhanced and strengthened through improving the quality of services and determining the desired outcome and most importantly sustaining the development that has been taken place. Many changes and challenges have occurred since almost 30 years. Further development lies in the improvement of professional development and capacity building for existing and new health care workers, particularly so in the area of specialist qualification and competency. There are certainly needs for training roles of the qualified and experienced health care professionals in the public universities and other higher training institutions. UPM has

gone far as to be recognized as one of the leading research universities in Malaysia, it should therefore realize its potentials by streamlining some of present programs and courses. By offering programs that are tailored to the training needs of PHC both the undergraduate and post-graduate levels, UPM stands to become a leading model in this field. By embarking on short training courses for professional development and capacity building that emphasized on evaluation, quality assessment and improvement, research capacity and ICT, UPM can thus be ahead of the other universities in PHC programs and services. There are tremendous research opportunities related to PHC. Analysis can range from policy, strategic implementation, evaluation, impact and outcome assessment to various aspect of community-based studies and consumer perspectives. Toward more effective data utilization and productive outcome of the analysis, all concerned must adopt multidisciplinary and collaborative approaches.

ROLE OF MEDIA IN DEVELOPMENT Strategies, Issues & Challenges

The role of media in development in this paper is discussed primarily in terms of the broadcast media. Other media channels such as newspaper, magazines, and films are not cited and discussed because there were not many studies on the roles of these media. The author's own studies mainly deal with the role of the broadcast media. There is a need to understand the overall role of media in the realm of development. There are cross references of content for example between television, radio and newspapers. Therefore studies need to ascertain the functions of these cross contents and their impacts at the national level?

Another media channel that is of increasing importance now is the Internet. Many scholars have discussed on the useful role of the Internet. The Internet is a multipurpose tool, a medium of communication and perhaps the most flexible medium currently available. It has the potential to be integrated within a wide variety of efforts that have objectives such as local participation, training, education, research, technical support and institutional strengthening. Thus, endeavors that might find role for Internet applications could range from training to the development of criteria and indicators for sustainable agriculture (Falero and Gaudette, 1995). It can create mechanisms that enable bottom-up articulation and sharing of local knowledge. Benefits include increased efficiency in the use of development resources, less duplication of activities, reduced

communication costs and global access to information and human resources. Research on the role of the Internet in development needs to be explored. Further, the convergence of the traditional media and the Internet provides for an interesting study on their impact on the nation's development.

To date the efforts made in developing society through broadcasting programs is designed to fit the four general functions of broadcasting media. The four functions are:

- The source of entertainment and arts,
- The source of news and information,
- The source of analysis and comments,
- The source of education and directives (Hibert, 1991)

The types of media programming for development need to be diversified and creatively produced. In the current situation the pace of life is fast and ever changing. The audience has little time to spend to listen to watch lengthy programs. This may be especially true of radio. Saiful (2002) in his study of the 'Use of Radio as a Source of Information Among the Malays in Lembah Pantai, Kuala Lumpur' found that the audience preferred the 'infotainment' concept of programs in which information is delivered through short messages between musical selections. In particular the radio station ERA fm was popular among the respondents due to this infotainment approach. This



Professor Dr. Md. Salleh Hj. Hassan
Institute for Social Science Studies (IPSAS) UPM

programme format needs serious consideration by broadcasters who are working on media for development.

Malaysian broadcast programs, for instance, have done a great deal for development services in the past. However to be relevant, media program producers need to be creative in their offerings of programs. Development content is quite a dry subject and therefore needs to be presented in an informative and entertaining manner. As the demands of society upon broadcasting programs increases each day, the need to know their feedback is also vital. There are

many ways to derive the feedback from media consumers. Among this is by conducting surveys on a random basis at a certain period of time. Through this, TV provides analysis and interpretations in various forms of reports, open forum, documentaries, critics, advertisements so on and so forth. This phenomenon has introduced a new opportunity to media consumers in general to get the facts and feedback that they want. In return, society will also be able to give their comments and opinions in the programs broadcast. This opportunity has undoubtedly promoted the participation of society from time to time.

CONNECTING THE BEE DOTS

Three defining encounters with bees had prompted the development model for bee-keeping. They were: i) the behaviour of temperature regulation of a Giant honeybee (*Apis dorsata*) colony, at age five; ii) the gallery-nesting behaviour of carpenter bees (*Platynopoda latipes*) on wooden beams of a house, at age ten; and, iii) the harvesting of honey from Giant honeybee colonies, at age five.

His observations of the contracting and expanding size of Giant honeybee colonies on hot and rainy days haunted him again in later years and he followed up on his curiosity by making it the subject for his Ph.D. thesis research.

Through experimental manipulation, temperature monitoring of the body parts (head, thorax and abdomen) of the bees that enveloped the open-nesting, broodright colonies of *A. dorsata* to form a protective curtain showed that there were significant body temperature differences (less than 2 °C) between curtain bees with fluid content in their honeycombs and those without. The fluid (water) in their honeycombs, afforded the curtain bees the opportunity for evaporative cooling by extruding and re-imbibing the fluid content on their mouthparts, in what was termed as gobbetting.

The gobbetting behaviour was experimentally shown to be stimulated by directing air currents onto the curtain bees that sought incidental evaporative cooling from any passing breeze. Under excess heat stress, during high ambient humidity and temperature, the colony resorted to performing colony en masse airborne defecations (CEMA) by the curtain bees to dissipate heat load.

Usually more than 50% of the bees in the colony take flight to defecate en masse whereby the subsequent advantage is reduced body weight through loss of bee feces, and hence reduced heat load for cooling. The monitoring of CEMAs from morning till dusk serendipitously led to the discovery of the clockwork regularity of drone mating flights that occurs everyday at sunset where the incidence of loss of brightness was experimentally shown to modulate the onset of drones flying out to drone congregation areas in the direction of sunset in the horizon.

The second bee dot event of childhood days was playing kites with captured, gallery-nesting, carpenter bees, which also connected 25 years later to trigger the idea to develop a carpenter bee hive design that leverages on the concept of bee space (gap size of the nesting gallery). Efforts to address the nagging question about a carpenter bee infested log close to the laboratory led to curiosity about the nature of nesting galleries of carpenter bees inside which subsequently led to the development of a multiple-frame, carpenter bee hive.

Founding gynes (reproductive females) were enticed to settle in a new adjacent gallery, and prevented from returning to their old nesting gallery by deception, using wooden, dummy entrances.



Professor Dato' Dr. Makhzir Mardan
Faculty of Agriculture

An observation carpenter bee frame hive was developed using plexiglass and restricting gallery construction within the frame width of slightly bigger than the thorax of the carpenter bee (bee space of 2.2 cm). Hive boxes of carpenter bee nests were introduced and propagated to provide pollination services in passion fruit orchards.

The third bee dot event of observing honey hunters harvesting honey from *A. dorsata* colonies for the first time, led to further forays into the rainforests to observe and learn about the traditional art of honey-gathering from the hundreds of *A. dorsata* colonies that nest on emergent tree trunks in the rainforests of Malaysia and the Asean countries. From research expeditions throughout the Asean region, it was realized that there were observable intricate faunistic associations between the Giant honeybees and its natural enemies of several species of birds, bats, etc.

Bee eaters and honey buzzards display adaptive morphological features in overcoming its prey (*A. dorsata*) displaying a special ability to remove bee stings and adaptive behaviour of subterfuge by using decoy strategy to confuse the colony. In response, the *A. dorsata* adopts a variety of evasive behaviour for colony defense, such as, colony enlargement by the curtain bees. Both the behavioral responses of the *A. dorsata* against attacks by its natural enemies and the subterfuge by several species of birds, ranging from bee eaters (spp.), honey buzzards (*Pernis ptilorhynchus*) and falcons (*Microglaucidium nanus*) and bats that depend on the Giant honeybees for food around the bee trees, display an interplay of defensive behaviour.

All three incidents of encounters with Giant honeybees, carpenter bees and honey hunters provided him inspiration for the development model for bee-keeping in Malaysia taking into account the resource-needs, or specificity between plants and the type of bees. Different species of plant flowers may have obligate relationship with specific bees.

Most important of all, pursuit of an interest with enthusiasm is the key driving force to foster and sustain interest in any endeavours.

UPM dan Mitsubishi – Komited Pulihara Hutan

Mitsubishi biaya projek kali kedua sebanyak RM1.3 juta

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

Komitmen Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap pemuliharaan hutan di kampusnya di Bintulu, Sarawak (UPMKB) sejak 18 tahun lalu menyebabkan sebuah syarikat asing berminat untuk memberi dana bagi projek pemuliharaan hutan kali kedua di kampus Serdang.

Pembiayaan sebanyak RM1.3 juta daripada Mitsubishi Corporation, Jepun untuk membangunkan model hutan yang ditanam dengan spesies pokok hutan asal dari setiap negeri di Semenanjung Malaysia disambut baik oleh warga UPM.

"Dana kali kedua oleh Mitsubishi Corporation itu membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap usaha Malaysia memelihara alam sekitar dan pemuliharaan tanah tersusut nilai," kata Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah semasa Upacara Penanaman Pokok Program Penyelidikan Kerjasama UPM - Mitsubishi Corporation yang telah diadakan di UPM Serdang pada 26 November yang lalu.

Majlis yang sama turut diadakan sehari sebelumnya di UPMKB.

Beliau berkata tempoh pembiayaan selama lima tahun itu melibatkan penanaman 400 spesies pokok hutan asal daripada setiap negeri di Semenanjung Malaysia di kampus UPM Serdang seluas 27 hektar.

"Pembiayaan itu juga melibatkan penanaman spesies pokok hutan asal Sarawak di UPM Kampus Bintulu (UPMKB), Sarawak seluas 47.5 hektar," katanya.

Duta Besar Jepun ke Malaysia, Masahiko Horie berkata negaranya akan terus menghulurkan bantuan dan kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang walaupun dihambat dengan krisis ekonomi dunia sekarang.

"Saya sangat gembira kerana projek menanam semula pokok hutan antara UPM dengan syarikat Mitsubishi Corporation telah dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah menyempurnakan upacara perasmian tersebut yang turut dihadiri oleh Pengarah Urusan Pentadbiran Korporat Mitsubishi Corporation, Yasuhiro Hirota.

Konsep penanaman hutan yang dijalankan ialah dengan menanam spesies yang jarang ditemui dan spesies endemic iaitu spesies yang cuma terdapat di negeri tertentu sahaja.

Seramai 600 orang sukarelawan mewakili tetamu kenamaan, wakil Mitsubishi Corporation, pelajar sekolah dan UPM, penduduk tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menanam pokok dalam majlis di UPM, Serdang sementara 200 orang lagi di UPMKB, Sarawak.

Konsep model hutan yang dibangunkan di Serdang berdasarkan konsep yang berjaya dibangunkan di UPMKB sejak tahun 1990 iaitu gabungan concept of vegetation association oleh Prof. Dr. Akira Miyawaki dari YNU dan concept of accelerating natural vegetation oleh Prof. Dato' Dr. Nik Muhamad Abd. Majid dari UPM.

UPM dan Yokohama National University, Jepun (YNU) telah menjalin kerjasama penanaman dan penyelidikan hutan sejak tahun 1990 dengan dana

"Jepun akan terus menghulurkan bantuan dan kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang walaupun dihambat dengan krisis ekonomi dunia sekarang" - Masahiko Horie, Duta Besar Jepun ke Malaysia



Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kanan) merasmikan Upacara Penanaman Pokok Program Penyelidikan Kerjasama UPM-Mitsubishi Corporation dengan disaksikan oleh Masahiko Horie (berkot) dan Dr Nik Mustapha (kiri)



Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengambil kesempatan menanam pokok



600 sukarelawan termasuk warga UPM menanam pokok beramai-ramai

kali pertama daripada syarikat Mitsubishi Corporation berjumlah RM10 juta untuk penyelidikan pemuliharaan kawasan hutan seluas 47.5 hektar di UPMKB.

Prof Dato' Dr. Nik berkata hasil penanaman pokok selama 18 tahun tersebut telah menghasilkan penanaman sebanyak 350,000 anak pokok hutan dari 126 spesies pokok hutan di Sarawak dengan kos RM10 juta termasuk kos penyelidikan dan kos pemeliharaan tanah terbiar.

"Dana daripada syarikat Mitsubishi Corporation sebelum ini telah habis digunakan sejak dua tahun lalu dan pada tahun ini Mitsubishi menawarkan sekali lagi untuk kerjasama kali kedua bagi tan-

aman pokok hutan asli di Semenanjung Malaysia," katanya.

Lokasi tapak model hutan itu terletak di Arboretum UPM di antara Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban, Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya dan rel ERL KLIA - Kuala Lumpur tersebut mempunyai nilai pasaran hartanah yang sangat tinggi.

Langkah Mitsubishi ini wajar diikuti oleh syarikat gergasi di Malaysia atas dasar menaikan tanggungjawab sosial selain dari mengejar matlamat keuntungan semata-mata selain keajngalan pihak luar lebih menghargai untuk memulihara hutan kita!



Sukarelawan OKU turut mengambil bahagian menanam pokok

UPM Juara Nasyid MAKUM

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

JOHOR BAHRU, 9 Dis - Kelab Nasyid Nahwan Nur Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Festival Nasyid Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) 2008 pada 3 Disember yang lalu.

UPM telah merangkul tiga anugerah sampingan yang telah dipertandingkan iaitu Anugerah Solo Terbaik dimenangi oleh Wan Mohd Farhan Wan Zakaria, Anugerah Iritan Terbaik dan Anugerah Lagu Terbaik berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM2600.

Lagu 'Bicara Bonda' hasil ciptaan Wan Muhammad Salehuddin Wan

Hassan telah dipilih untuk lagu terbaik pada pertandingan festival nasyid tersebut.

"Kerjasama dalam sesebuah kumpulan nasyid adalah sangat penting untuk menghasilkan sebuah lagu yang terbaik dan bermutu tinggi.

"Kemenangan Nahwan Nur mempertahankan kejuaraan tiga kali berturut-turut pada pertandingan Nasyid Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan di UniMap sebelum ini dan kesemuanya adalah hasil usaha gigih berterusan serta komitmen dari semua pihak," kata Wan Muhammad ketika dihubungi.

Beliau berkata, penganjuran festival tersebut turut menyaksikan penyertaan yang terbesar melibatkan 15 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Kesemua peserta telah melalui peringkat saringan satu dan dua pada 2 Disember 2008 dan hanya lapan kumpulan sahaja yang layak ke peringkat akhir.

Antara universiti yang berjaya ke peringkat akhir ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan

Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Tempat kedua telah disandang oleh UKM turut memenangi Anugerah Link Terbaik membawa pulang RM1700, tempat ketiga dimenangi oleh UPSI membawa pulang RM1200 yang turut memenangi Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Busana terbaik dimenangi oleh UniMAP menerima wang RM2 ratus.

Sementara itu Anugerah Kumpulan Harapan 1 diberikan kepada UNIMAS dan Kumpulan Harapan 2 diberikan kepada UTM masing-masing membawa pulang RM2 ratus.

Sejenak...
Bersama Awang Kampus



Salam perpaduan. Awang teringin ucapkan lafaz ini selalu kerana terdapat pihak menanggung di air keruh ingin merapuhkan ikatan perpaduan warga UPM - antara pelajar, pentadbir dan para akademik.

Menjulung martabat universiti menjadi sumbangan utama tanpa mengira apa status kita sebagai warga UPM. Kalaupun ada yang tidak mahu menyumbang kerana agenda tidak kesampaian, jangan sesekali mencalar imej tempat bumi berpijak.

Ada dua sikap negatif yang Awang perlu tegur. Pertama sikap baling batu sembunyi tangan adalah perbuatan pengecut. Kalau tidak berpuas hati, mengapa perlu lindungi identiti. Melindungi bermakna ada sesuatu yang tidak kena pada sang identiti.

Kedua, sekelompok kita ingin menunjukkan keradikalan untuk memenuhi tuntutan kelompok lain dan nostalgik gaya senario lama, sedangkan ia sudah tidak relevan mutakhir kini. Kesannya akan menafikan pintu rundingan dan ruang bertolak ansur sebagai pilihan yang sering diabaikan, sedangkan kaedah itu menyumbang penyelesaian yang baik, sesuai dengan kematangan institusi intelektual seperti UPM.

Selain isu kampus, Awang ingin sentuh isu antarabangsa yang wajib mendapat perhatian warga kampus. Sama-samalah kita tunjukkan kuasa tanpa senjata, tanpa diplomatik untuk menentang kezaliman dengan melayari <http://www.muslimconsumer.org.my> bagi memboikot barangan keluaran Israel, Amerika Syarikat dan negara bersekutu dengannya agar isyarat Hentikan Kezaliman Terhadap Penduduk Gaza! memberi kesan.

Kita tidak perlu menunggu timbulnya isu penganiayaan terhadap rakyat Palestin untuk memboikot kerana boikot selama ini bersifat sementara. Lakukanlah untuk tempoh jangka panjang walaupun apabila isu ini tamat kerana ia pasti akan berulang selagi Israel menduduki Palestin.

Selain doa dan solat hajat, kita perlu menderma untuk tabung Palestin, memboikot produk, perkhidmatan dan dollar Amerika serta jika mampu menjadi sukarelawan perubatan. Isyarat boikot boleh memberi tekanan ekonomi kepada Amerika yang akan mempengaruhi polisi terhadap Israel kerana Israel tidak peduli dengan bantahan massa antarabangsa. Awang puji tindakan negara yang tidak sebangsa dan seagama dengan Palestin iaitu Venezuela yang mengusir pegawai kedutaan Israel. Begitu jugalah yang Awang harapkan kepada semua kaum di negara kita supaya senada!

Akhir kata Awang ucapkan tahniah buat Seksyen Media dan bos BKK, Dell kerana hasil kerja keras mereka, rating slot media massa memberi publisiti majlis kovokesyen UPM ke-32 adalah yang kedua tertinggi di antara liputan konvo IPTA/IPTS lain tahun ini (53 slot siaran/sumber mediabanc. Tempat pertama UITM kerana konvonya dua minggu)

Awang - Terkenang press sukakan komo UPM kerana Seksyen Media BKK hidangan berita dan sidang media setiap hari tanpa mereka perlu membunyu.

AWANG KAMPUS

Lelongan Antik bantu Pelajar kurang bernasib baik

Oleh Khairil Sarip

SHAH ALAM, 27 Okt. - Satu pameran dan Lelongan barangan antik terbesar telah diadakan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor pada 25 dan 26 Oktober yang lalu.

Lelongan yang bertemakan 'World Heritage Legacy' mempamerkan pelbagai barangan antik yang unik dan jarang ditemui seperti naskah al-Quran beriluminasi tertua di Asia Tenggara, tempat penyimpanan al-Quran yang unik dan manuskrip zaman Othmaniah yang berusia lebih 400 tahun.

Pemilik Heritage Auction House, Mohd Radzuan Jamaludin berkata semua barangan antik yang dijual merupakan milik sepenuhnya Heritage Auction House dan semua barangan ini mempunyai keunikan tersendiri.

"Sambutan pengunjung yang datang amat menggalakkan kerana mahu melihat dengan lebih dekat selain ingin membeli dan memiliki koleksi barangan antik," katanya lagi.

Beliau berkata lima peratus daripada jumlah hasil jualan dan lelongan barangan antik itu akan didermakan kepada UPM bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Dr. Muhammad Pauzi Abd Latif berkata program ini merupakan ilham dan anjuran bersama antara pelajar FBMK dengan pihak Heritage Auction House dalam usaha meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar tersebut.

"Melalui program sebegini pelajar-pelajar didedahkan kepada suasana sebenar menguruskan sesuatu program yang melibatkan masyarakat luar supaya mereka dapat mempelajari dan mendapat pengalaman baru,"

katanya lagi.

Beliau berkata seramai 65 orang pelajar Bachelord dan Master dari pelbagai bidang bagi subjek Perhubungan Awam terlibat secara langsung menjayakan program amal ini.

Sementara itu, pengunjung pameran itu, Mohd Zahamri Nizar dari Shah Alam berkata beliau pertama kali datang ke lelongan sebegini untuk melihat artifak dan manuskrip lama.

"Saya amat meminati manuskrip lama dan oleh kerana itu saya datang untuk melihat dengan lebih dekat kerana peluang ini sukar didapati," katanya yang datang bersama isterinya.

Kamarul Ariffin dari Johor berkata barangan yang dijual di sini lebih murah berbanding dengan barangan antik yang dijual di Jonker Walk, Melaka selain banyak pilihan.



Antara pelancong asing yang datang semasa lelongan barangan tersebut

"Hampir 600 barangan antik dipamer dan sebanyak 400 daripadanya akan dijual pada lelongan kali ini dan keseluruhan nilai barangan tersebut

dianggarkan hampir tiga juta ringgit, dianggarkan hampir 20 ribu pengunjung telah datang melawat pameran tersebut.

Senyum Tribun

Azreen



Menevaskan lagi Kecewmevangan Universiti.



14th ICOT Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia
22-26 June 2009

14th International Conference on Thinking, 2009

www.14ththinkingconference.com

Some Confirmed Speakers: Edward De Bono, Howard Gardner, Kevin Warwick, David Perkins, John Edwards, Lane Clark, Art Costa, Robert Swartz, Robert Fisher



Khairul Anuar Muhamad Noh
Wartawan (013-3957650)Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz
Pemberita (013-5217211)Khairil Sarip
Pemberita (012-323)

Kembar Terima Ijazah Serentak



Pasangan kembar Nor Erina (kiri) dan Nor Erita menunjukkan skrol ijazah selepas majlis konvokesyen.

SERDANG - Pasangan kembar, Nor Erina Mohamad Yunan dan Nor Erita Mohamad Yunan masing-masing menerima Ijazah Bacelor Kimia Industri dan Ijazah Bacelor Sains Bioperubatan pada Majlis Konvokesyen UPM baru-baru ini.

Nor Erina, 22 berkata mereka tidak pernah berpisah sejak sekolah rendah hingga ke universiti

dan menganggap ia mungkin ketetulan.

"Semasa mengisi borang untuk memasuki universiti, pilihan universiti kami berbeza tetapi kami akhirnya diterima di UPM dan menamatkan pengajian bersama," katanya ketika menerima ijazah bersama kembarnya, Nor Erita Mohamad Yunan, pada konvokesyen kali ini.

Bagi Nor Erita, mereka jarang bertemu sepanjang pengajian di UPM kerana berbeza bidang pengajian.

"Kakak belajar di Fakulti Sains manakala saya belajar di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, lagipun kolej kediaman kami berbeza menyebabkan kami sukar berjumpa," katanya.

Hadiah Pingat Emas Canselor Milik Aini Marina

Graduan Terbaik Keseluruhan UPM



Aini Marina menunjukkan siji Hadiah Canselor kepada bapanya.

SERDANG, 24 Okt. - Aini Marina Ma'rof dari program Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) telah dipilih sebagai penerima Hadiah Emas Canselor sempena Majlis Konvokesyen kali ke-32 UPM baru-baru ini.

Beliau yang merupakan pelajar Fakulti Pengajian Pendidikan UPM mendapat Purata Gred Nilai Kumulatif (PGNK) 3.927 muncul graduan terbaik keseluruhan UPM pada konvokesyen kali ini.

Dalam majlis itu Aini menerima Pingat Emas Canselor, sijil dan wang tunai RM5,000 yang telah disampaikan oleh Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Al-marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSAAS) UPM.

"Kita juga perlu bersikap proaktif dan pandai menjaga hubungan baik dengan pensya-

rah untuk mendapat keberkatan dan menghormati mereka selain belajar secara berterusan," katanya.

Aini berkata antara pendorong kepada kejayaannya itu ialah kaedah pembelajaran secara konsisten yang diamalkannya selain menamakan sikap rajin bertanya walaupun di luar masa kuliah.

Selain Aini, graduan yang menerima anugerah universiti ialah Faizura Rohaizad, Bacelor Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari Fakulti Pengajian Pendidikan dan Yap Wing Fen pelajar Bacelor Sains Dengan Pendidikan Kejuruan (Fizik) dari Fakulti Sains (kategori Hadiah Anugerah Pelajaran Diraja).

Graduan Bacelor Pentadbiran Perniagaan dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Lee In Thing memenangi Pingat Emas Alumni; A'fifah Abd. Razak, graduan Bacelor Sains Pertanian dari Fakulti

Pertanian (Pingat Emas Yayasan Pak Rashid) dan Ahmad Zamri Alimin pelajar dari Fakulti Pengajian Pendidikan (Hadiah Syed Kechik).

Seramai 7,846 graduan dari pelbagai bidang pengajian telah menerima ijazah doktor falsafah (176 orang), sarjana (1,037), bacelor (6,128) dan diploma (499 pada konvokesyen kali ke-32 itu).

Konvokesyen UPM memabitkan 10 sesi menyaksikan Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan menyempurnakan pengurniaan pada sesi pertama manakala Pro-Canselor UPM, Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin, pada sesi dua, lima dan lapan, Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek, sesi tiga, enam dan sembilan serta Tan Sri Dato' Rozali Ismail sesi empat, tujuh dan sepuluh.

Pemandu Teksi Terima Sarjana

SERDANG, 19 Okt. - Seorang pemandu teksi yang juga bapa kepada lima anak bangga selepas berjaya menerima Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-32 baru-baru ini.

Ishak Ismail, 56, berkata walaupun usianya sudah lanjut, namun bagi beliau itu bukan satu penghalang kepadanya untuk terus menimba ilmu bagi mengubah nasib keluarganya.

"Berebalkan kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), saya nekad untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana muda secara sambilan pada tahun 2002 sebelum meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana secara sambilan," katanya yang menyifatkan kejayaannya berkat doa dan sokongan moral isteri dan keluarga.

Menurutnya dia sering mengulangi pelajaran semasa menunggu penumpang jika ada masa terluang.

Ishak berkata cukuplah selama 13 tahun dia menjadi pe-



Ishak menunjukkan tanda bagus semasa ditemui pada majlis konvokesyennya

mandu teksi dan selepas ini dia sudah bersedia mencari pekerjaan lain yang boleh mengubah kehidupannya sekeluarga.

"Saya juga bersedia untuk

menjadi pensyarah di mana-mana institusi pengajian tinggi jika ditawarkan, sesuai dengan kelulusan yang saya perolehi sekarang," katanya lagi.

Graduan Kembar Belajar dan Mengajar Bersama

SERDANG, 18 Okt. - Sepasang graduan kembar tidak menyangka mereka bukan saja belajar di fakulti dan universiti yang sama tetapi kini berpeluang mengajar di sekolah yang sama.

Nurul Hafiza dan Nurul Hanifa Muda, 23, masing-masing memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan Matematik dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Fizik kini bertugas sebagai pendidik di Sekolah Kebangsaan Mengabung Telipot,

Terengganu.

Menurut Nurul Hafiza, walaupun mengambil jurusan yang berlainan tetapi mereka belajar di fakulti sama iaitu Fakulti Pendidikan.

"Saya bersyukur sentiasa berpeluang dengan kembar sejak mula mengisi borang universiti hinggalah memasuki alam pekerjaan," katanya.

Bagi beliau, kejayaan itu adalah sesuatu yang bermakna buat mereka berdua setelah berusaha gigih siang dan malam

untuk mendapatkan segulung ijazah sekaligus menjadi contoh kepada adik-beradik lain.

Katanya, walaupun sudah memiliki segulung ijazah, mereka berdua berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi meningkatkan taraf pendidikan.

"Kedua orang tua kami pernah berpesan dalam menimba ilmu tiada hadnya selagi jasad masih bernyawa dan pesanan itu kami pegang untuk terus berjaya," katanya.

Ahmad Fua'ad Alwi
JurafotoMarina Ismail
JurugambarNoor Azreen Awang
Jurugambar

Unit Media BKK UPM mengucapkan terima kasih kepada Shari Shawarudin Pandak Osman, Asbullah Mohd Yusof dan Ahmad Fouzi Abd Tahir kerana kerjasama untuk publisiti media

Zahid Hamidi Terima PhD



Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semasa Majlis Konvokesyen UPM.

SERDANG, 18 Okt - Usaha selama tujuh tahun menyiapkan tesis oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berhasil menemui kejayaan selepas beliau

menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada sesi pertama Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32.

Beliau yang menerima Ijazah PhD dalam bidang Komuni-

kasi Kemanusiaan merupakan menteri kabinet pertama yang menerima PhD sewaktu sedang masih berkhidmat.

Ahmad Zahid berkata beliau berazam menyambung penga-

jian hingga peringkat PhD demi membuktikan anggapan sesetengah pihak bahwa ijazah pasca-siswazah oleh golongan elit boleh dibeli adalah tidak benar.

"Sindiran itu sangat memualkan dan membuatkan saya terfikir untuk menunjukkan ia salah sama sekali. Hari ini saya berjaya membuktikannya," katanya.

Beliau berkata kesempatan masa menyebabkannya terpaksa berkejar-kejar menyiapkan 'deadline' tugas sehingga ada masanya, beliau perlu membuat pindaan apabila persembahan kajian ditolak.

"Walaupun saya mengambil masa agak lama untuk menamatkan pengajian kerana pada masa sama memikul tanggungjawab sebagai menteri tetapi hati saya puas selepas menerima skrol," katanya.

Menurut beliau tesis yang dibuatnya bertajuk Manifesto Barisan Nasional (BN) sebagai Agenda Akhbar Bahasa Melayu Semasa Tempoh Kempen Pilihan Raya Umum.

Bapa dan Anak Konvo Serentak



Nor Nadjah mencium bapanya pada Majlis Konvokesyen UPM baru-baru ini.

SERDANG, 22 Okt. - Bapa kepada 11 orang anak, Ahmad Razei Abu Bakar, 49, terlalu gembira menerima ijazah Sarjana dalam bidang Linguistik pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang serentak dengan anaknya.

Beliau menyifatkan kejayaannya lebih bermakna kerana pada majlis itu, anaknya Nur Nadjah, 21, turut menerima Diploma Pengurusan Perladangan Makanan.

Ahmad bertugas sebagai pegawai di Jabatan Sekuriti UPM telah dinaikkan pangkat apabila berjaya mempe-

roleh ijazah sarjana muda pada 2003.

"Gaji kerani kecil saja ketika itu, jadi saya pernah ambil upah potong rumput untuk tambah pendapatan ketika mengikuti pengajian ijazah sarjana muda dulu," kata beliau ketika mengenang kesempatan hidup sebelum melanjutkan pelajaran.

Beliau nekad untuk menyambung pengajian apabila setiap tahun melihat ramai graduan mendapat ijazah dan ianya menyuntik lagi semangat untuk memajukan diri ke peringkat seterusnya.

Setiausaha Agung ASEAN Terima Ijazah Kehormat UPM

SERDANG, 18 Nov - Majlis Konvokesyen Universiti Putra (UPM) kali ke-32 sesi pertama menyaksikan Setiausaha Agung ASEAN menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi atas sumbangannya sebagai negarawan tersohor di ASEAN yang memperjuangkan isu demokrasi, pembangunan lestari dan keselamatan manusia.

Selain itu Dr. Surin, 59, dijangka berupaya meningkatkan jaringan UPM di rantau ASEAN dan global menerusi peranannya sebagai Setiausaha Agung ASEAN.

Melalui keupayaan itu UPM boleh menjalankan penyelidikan berkaitan Sekretariat ASEAN dan beliau dilihat mampu menaikkan imej UPM di peringkat ASEAN dan di mata dunia.

Dr. Surin yang juga alumni Harvard University dijangka dapat membantu UPM menjalin kerjasama dengan universiti itu melalui pelbagai bidang yang mempunyai kepentingan kedua belah pihak.

Usaha ini penting untuk meningkatkan rangkaian UPM dengan institusi antarabangsa dan melonjak usaha pengantarabangsaaan bagi aktiviti penyelidikan, pengajaran dan perkhidmatan professional yang ditawarkan UPM.

"Jika saya yang membesar di sekolah pondok (madrasah)

mampu belajar ke Harvard University, diharap graduan di hadapan saya juga akan meneruskan pengajian ke universiti ternama seperti itu.

"Bagaimana seorang yang dibesarkan di tempat sedemikian hari ini mampu memegang jawatan dalam organisasi besar seperti ASEAN?" kata Dr. Surin yang merupakan seorang muslim keturunan Melayu Thai ketika menyampaikan ucapan dalam majlis konvokesyen tersebut.

Biodata Dr. Surin

Jawatan Setiausaha Agung ASEAN disandang beliau selepas dicalonkan oleh Kerajaan Diraja Negara Thailand dan mendapat sokongan sepenuhnya daripada pemimpin ASEAN yang lain.

Dr. Surin pernah bergelar Ahli Parlimen Thailand selama lapan penggal bermula tahun 1986 dan juga mantan Menteri Luar Thailand sebelum beliau menjawat jawatannya sekarang.

Terdahulu, beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari University of Bristol, United Kingdom pada 30 Mac 2008.

Beliau yang berasal dari Nakorn Sri Thammarat, selatan Thailand pada satu masa dahulu telah kembali mengajar di Thammasat dan bertanding merebut kerusi Parlimen bagi mewakili ka-



Tuanku Canselor UPM menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi) kepada Dr. Surin Pitsuwan pada sesi satu Konvokesyen UPM kali ke-32

wasan tanah kelahirannya.

Semasa menjadi Ahli Parlimen, Dr. Surin juga dilantik sebagai Setiausaha kepada Speaker Dewan Rakyat (Chuan Leekpai), Setiausaha kepada Timbalan Menteri Dalam dan-

Timbalan Menteri Hal-Ehwal Luar.

Selain bergiat aktif dalam politik, beliau juga pernah bertugas sebagai kolumnis akhbar berbahasa Inggeris Nation dan Bangkok Post sekitar tahun 1975 hingga 1992.

OKU Bukti Kejayaan



Fazrul menerima skrol ijazah daripada Pro Canselor UPM.

SERDANG, 13 Nov - Kecacatan yang dialami Fazrul Aliaa Ghazali, 23, sejak berumur empat tahun idak pernah melunturkan semangatnya untuk meneruskan pengajian demi memiliki segulung ijazah dalam bidang ekonomi.

Impiannya tercapai apabila berjaya menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pentadbiran Perniagaan pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Beliau tidak pernah mengangap kecacatan fizikalnya sebagai penghalang untuk meneruskan pengajian ke peringkat ijazah dalam kursus yang amat diminatinya.

Fazrul yang mengalami

bengkak tulang kaki dari lutut ke pergelangan kaki tidak menafikan sering mengalami kesukaran akibat ketidakupayaannya itu tetapi semangat kental dan sokongan moral rakan-rakan memberi semangat untuk dia terus belajar.

"Peluang untuk berjaya tidak terletak pada ciri fizikal sahaja kerana semua insan sama ada sempurna atau tidak boleh merasainya asalkan mereka mempunyai semangat dan tidak mudah berputus asa," katanya.

Beliau berkata orang kurang upaya (OKU) sepertinya tidak harus terlalu merendah diri kerana perasaan itu hanya akan menjejaskan perjuangan untuk mencapai kejayaan.

Graduan Sulung Tajaan Sime Darby dirai



Graduan sulung Sime Darby bergambar selepas Majlis Konvokesyen UPM baru-baru ini.

SERDANG, 10 Nov - Seramai 17 graduan sulung tajaan Sime Darby Plantation Sdn. Bhd berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh diploma pertanian pengkhususan dalam perladangan pada majlis konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32.

Seramai empat graduan perempuan dalam kumpulan pertama itu berjaya menamatkan pengajian di bawah tajaan Sime Darby dan Guthrie Plantations.

Kumpulan graduan tersebut ialah kumpulan kedua yang dilahirkan konglomerat tersohor tersebut selepas kumpulan pertama di bawah nama Golden Hope Plantations menamatkan pengajian di UPM sebelumnya.

Naib Presiden Pembangunan Sumber Manusia (Program Pendidikan) Sime Darby Plantations, Ahmad Fer Rouse Ahmad

Khairuddin berkata program yang bertujuan melatih pelajar pertanian mahir sektor perladangan itu dimulakan sejak tahun 2005 dengan kerjasama UPM.

Beliau berkata semua graduan program Diploma Pertanian (perladangan) akan diserapkan sebagai tenaga kerja Sime Darby dan ditempatkan di mana-mana 200 ladang milik syarikat.

"Sime Darby hanya akan memilih pelajar yang mempunyai minat yang tinggi dalam bidang pertanian dan layak mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

"Pelajar yang telah lulus dalam ujian penilaian pihak universiti bagi mengikuti program ini perlu melepasi tiga lagi tahap saringan bagi memastikan mereka yang dipilih berkecukupan dan mampu mengurusi tadbir ladang syarikat," katanya.

Beliau berkata keputusan akademik yang cemerlang tidak diutamakan terhadap pelajar asalkan mereka mempunyai kebolehan menguruskan pelbagai perkara berkaitan bidang itu.

Ahmad berkata program diploma yang menekankan gabungan teori dan latihan praktikal itu mengambil masa tiga tahun dengan tahun pertama dilaksanakan di UPM manakala tahun berikutnya di Akademi Sime Darby Plantations, Pulau Carey, Selangor.

Kata beliau biarpun pada masa ini tahap kesedaran di kalangan pelajar mengenai kepentingan bidang pertanian masih di takuk lama, sambutan terhadap program akademik itu sangat menggalakkan tanpa mengira jantina.

Bapa Berkerusi Roda Hadir Konvo Anak

Anak Bimbang Bapa Lumpuh Sebelah Badan

SERDANG, 11 Nov - Seorang bapa yang menghidap penyakit strok sanggup menghadiri konvokesyen anaknya walaupun terpaksa berkerusi roda.

Manisah Abu, 24, penerima Ijazah Sarjana Muda Sains (Bioperubatan) berasa terharu kerana bapanya dapat bertahan selama tiga jam di dalam Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hanya untuk menyaksikan dia menerima ijazah.

"Sebenarnya saya bimbang ketika itu," katanya.

Beliau berkata bapanya tidak seperti penghidap strok yang lain

kerana strok bapanya pada sebelah badan yang menyebabkannya tidak boleh berjalan.

"Saya sangat gembira dan terharu kerana ayah sanggup datang meraikan konvokesyen saya hari ini.

"Saya juga bersyukur kerana semuanya selamat dan ayah pun dapat melihat saya menerima ijazah pada majlis konvo," katanya.

Manisah berkata dia akan melapor diri sebagai pegawai penyelidikan di UPM tidak lama lagi selepas menimba pengalaman sebagai penolong pegawai sains di Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM selama sebulan.



Manisah melihat skrol ijazah bersama ibu dan bapanya.

681 Graduan Program Kembar UPM-IPTS Terima Ijazah

UPM Pantau pendidikan IPTS berkualiti - NC



Antara graduan UPM-IPTS semasa Majlis Konvokesyen baru-baru ini.

SERDANG, 23 Oktober - Seramai 681 graduan Universiti Putra Malaysia-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (UPM-IPTS) dianugerahkan Ijazah Bachelor dan Diploma sempena Majlis Konvokesyen Program Kerjasama UPM-IPTS Ke - 10 di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Graduan berkenaan memabitkan 94 graduan Bachelor dan 587 Diploma melibatkan lapangan program pengajian dan tujuh buah fakulti di UPM.

Graduan daripada 11 buah IPTS yang terlibat ialah Kolej SAL Kuala Lumpur Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kolej Teknologi Bestari, Kolej UNITI, Kolej Teknologi Timur, Kolej RISDA Melaka, Kolej Shahputra, Kolej Chermay Jaya, Kolej Antarabangsa Labuan, Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang (PSDC).

Empat anugerah pelajar cemerlang pada majlis konvokesyen tersebut ialah Anugerah Graduan Cemerlang Akademik Peringkat Ijazah Bachelor dianugerahkan kepada Noraziah Anida Mohd Rashid dari Kolej Teknologi Bestari dan Anugerah Graduan Cemerlang

Akademik Peringkat Diploma dimenangi oleh Norlailikma Mohamed dari kolej yang sama.

Lain-lain anugerah iaitu Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Akademik Peringkat Ijazah Bachelor dimenangi oleh Muhammad Iskandar Zulqarnain M.Suffian dari Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics dan Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Akademik Peringkat Diploma milik Hafiz Baharudin dari Kolej Shahputra.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapan konvokesyennya yakin graduan UPM-IPTS mampu bersaing dengan graduan daripada IPT lain.

"Ini kerana UPM sentiasa berusaha memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

"Pelajar-pelajar adalah pelangan utama UPM dan menjadi tanggungjawab utama UPM untuk memastikan harapan pelajar ketika memilih program UPM melalui IPTS tercapai," katanya.

Beliau berkata UPM melalui Jawatankuasa Kawalan Mutu

Program Akademik serta Pusat Pendidikan Luar (PPL) akan melaksanakan pemantauan secara berterusan ke atas IPTS yang terlibat bagi memastikan semua aspek pendidikan berkualiti.

Dr. Nik Mustapha berkata penekanan utama yang diberikan berdasarkan pengendalian akademik, keberkesanan program, kurikulum, prasarana dan kebajikan pelajar sentiasa berada pada tahap pawiawan yang ditetapkan.

"Pengajaran berpusatkan pensyarah seperti lazimnya telah beralih kepada pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) untuk membantu pelajar dan pensyarah berkongsi maklumat dan idea baru yang bersifat dinamik," katanya.

Beliau berkata penggunaan ICT juga berjaya mengatasi kekangan pelajar dan pensyarah berkongsi maklumat dan berinteraksi terutamanya antara IPTS dan UPM.

Dr. Nik Mustapha berkata kerjasama strategik di antara UPM dan IPTS adalah salah satu faktor penyumbang kepada usaha UPM untuk mencapai wawasan menjadi universiti bertaraf dunia.

Ibu Sarat Mengandung Dirawat Dapat Ijazah

Hampir pitam sebaik terima ijazah

SERDANG, 18 Okt - Hajat seorang guru Seynorita Samsudin, 32, yang sarat mengandung untuk menerima skrol ijazah akhirnya tercapai walaupun terpaksa menerima rawatan di bilik Pusat Kesihatan Dewan Besar Universiti Putra Malaysia (UPM) sebaik sahaja turun dari pentas majlis konvokesyen.

"Saya agak panik apabila isteri saya tiba-tiba sakit dan penging sejurus dia selesai menerima ijazah sehingga terpaksa meminta bantuan Pusat Kesihatan di dewan," kata suaminya Amran Abu Bakar, 42.

Beliau berkata isterinya tetap berkeras untuk mengambil skrol ijazah di atas pentas walaupun sudah dinasihatkan jururawat supaya berada di wad bagi menunggu masa bersalin.

Seynorita yang dijangka bersalin pada hari berlangsungnya majlis konvokesyennya begitu teruja untuk mengambil skrol ijazahnya kerana ia pengalaman



Seynorita menerima skrol ijazah sebelum dibawa ke hospital.

pertama dalam hidupnya.

"Setiap hari saya memujuk kandungan saya supaya membenarkan saya naik ke pentas menerima ijazah kerana saat keemasan itu tidak patut saya lepaskan begitu sahaja," katanya.

Sebaik sahaja menerima

rawatan, suaminya bercadang membawa pulang Seynorita untuk bersalin di Hospital Masjid Tanah, Melaka yang terletak berhampiran rumahnya.

"Kalau dia sakit sekali lagi semasa perjalanan, kami akan berhenti di hospital berdekatan. Kalau Seremban, Serembanlah," katanya.

Ridhuan Tee terima PhD



Dr Mohd Ridhuan Tee semasa Majlis Konvokesyen UPM baru-baru ini

SERDANG, 23 Okt - Pengacara televisyen dan radio terkenal, Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah menerima ijazah doktor falsafah (PhD) pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Ma-

laysia ke-32 dengan tajuk kajian *Persepsi pelajar-pelajar Cina di Institusi Pengajian Tinggi terhadap gerakan politik UMNO*. Beliau berkata penyelidikan jawatankuasa yang ketat

menyebabkan proses mendapatkan PhD bukan satu perkara yang mudah. Baginya tiada alasan tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi biarpun sibuk

membahagikan tugas antara kerja, keluarga dan belajar.

"Komitmen terhadap keluarga, kerja dan pembelajaran menyebabkan sukar untuk mengatur jadual hidup seharian.

"Semua perlu dijaga, anak-anak, isteri dan kerjaya, masa untuk masyarakat dengan berceramah apatah lagi program tv dan radio tidak pernah habis. Walaupun begitu, pembelajaran saya di UPM tidak pernah diabaikan," katanya ketika dihubungi.

Kata Dr. Ridhuan ketenangan keluarga adalah tips untuknya mendapat PhD kerana prioriti yang bersumber kepatuhan kepada Allah SWT mempunyai sumber ketenangan yang boleh dijadikan panduan.

Belliau memberi contoh bagi lelaki yang berkahwin kewajipannya mengutamakan diri sebagai suami kepada isteri, kedua sebagai bapa kepada anak-anak dan ketiga ialah kerjaya.

"Bagi wanita pula pertama berperanan sebagai isteri kepada suami, kedua menjadi ibu kepada anak-anak dan ketiga menjaga kerjaya," katanya.

UPM 'kehilangan' Solmaz



Solmaz Bagherpour, 25, gadis Parsi yang dikenali sebagai 'model' Bahagian Komunikasi Korporat kerana wajah fotogeniknya sering menghiasi billboard UPM, penerbitan buku, poster dan kalendar UPM tersenyum bangga memamatkan pengajian sarjana (GSM) UPM

Bergilir Jaga Anak Demi Sarjana

SERDANG, 22 Okt - Pengorbanan sepasang suami isteri bersenggang mata mengulang kaji pelajaran pada awal pagi akhirnya berhasil apabila keduanya berjaya menerima segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-32 baru-baru ini.

Ahmad Shahrir Makhtar, 38 bersama isterinya Noraini Sayati, 38 mengakui kesukaran untuk mencuri masa mengulang kaji pelajaran sehingga terpaksa bergilir-gilir menjaga empat anak mereka pada setiap malam.

Kini masing-masing memiliki ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dan ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama.

Ahmad Shahrir berkata mulanya beliau mengajak isterinya untuk bersama-sama mengikuti kursus peringkat sarjana kerana tidak mahu bersendirian menambung pengajian.

"Saya tidak sangka isteri saya akan bersetuju dengan cadangan itu malah dia tidak keberatan memohon di fakulti sama sekaligus menjadi pendorong kuat kepada saya untuk terus memajukan diri," katanya.

Belliau berkata mereka sentiasa mengamalkan sikap bergotong-royong dan kerjasama bagi memastikan pengajian mereka tidak terganggu akibat perkara remeh untuk mendapatkan keputusan cemerlang.

"Saya dan suami terpaksa menyiapkan tugas serta mengulang kaji pelajaran sehingga jam 5 pagi kerana pada waktu itu sahaja kami tiada kerja sementara anak-anak sudah nyenyak tidur," katanya.



Pasangan suami dan isteri melihat skrol ijazah selepas majlis konvokesyen



Graduan GSM dari Switzerland, Janine Schafroth dan Fabian Neuhaus mempunyai alasan kukuh memilih peluang belajar Sarjana Pengurusan di UPM berbanding universiti-universiti lain di Eropah

Ulangkaji Sejam Sehari



Hafiz bersama isteri selepas majlis konvokesyen UPM

SERDANG, 18 Okt - Pelajar Kolej Shahputra, Hafiz Baharudin, 26, tidak menyangka rutin hariannya mengulang kaji pelajaran selama sejam sehari melayakkannya diumumkan sebagai penerima Anugerah Graduan Cemerlang Keseluruhan Akademik Peringkat Diploma Majlis Konvokesyen ke-10 Universiti Putra Malaysia - Institusi Pengajian Tinggi Swasta (UPM-IPTS).

"Saya tidak sangka memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.597 kerana saya hanya merujuk nota kuliah sekurang-kurangnya 30 minit ataupun paling lama sejam setiap hari," katanya.

Bagaimanapun beliau tidak boleh melupakan keperitan yang dilalui sewaktu belajar apabila

terpaksa bekerja sambil belajar kerana tidak mampu meminta wang daripada keluarganya yang tidak sebarang.

"Saya terpaksa bekerja di sebuah syarikat petroleum untuk mencari wang tambahan. Cabaran sebegitu menjadikan diri saya lebih fleksibel dengan kesesuaian dalam kehidupan.

"Walaupun terpaksa berusaha payah bekerja sambil belajar, saya tidak pernah berputus asa dalam usaha menimba ilmu, malah ia lebih mematangkan saya," katanya.

Sementara itu, Anugerah Cemerlang Keseluruhan Akademik Peringkat Ijazah Bachelor dimenangi pelajar Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics iaitu Muhammad Zulqarnain M.Suffian, 27.

Anjung Puisi

LADANG WAHYU

Terpadamlah api Majusi
Seraya Ababil menjatuhkan batu-batu api
Kudrat angkatan gajah Abraham tersungkur
Tatkala kelahiran Al-Amin sipiatu
Menyelak awan gelap jiwa yang terbenam
menyembah batu, memertuhankan lembu.
Bagai mendambakan kehadiran Nur Tauhid,
tilik pandang Tuhan tidak pernah alpa
pabila Al-Furqan diturunkan,
Seraya Buhaira membenarkan kalam Injil
Barnaba
"telah datang penyelamat menggagas risalah
Ilahiah;
Dialah Al-Haq yang berhak disembah"
Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus
kepada Allah
Di situ ada tulus kebahagiaan
terpancar subur nur rahmat
Di ladang wahyu bernama 'Muhammad'

Ludinata Misnun
Banting, Selangor

Pelajar Antarabangsa UPM Juara Puisi NUR FITRI

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz



Pelajar UPM (dua dari kanan Alagie Bah, Ramza Izani Othman dan Ma Shu Ying) bersama replika cek dan piala kejohanan

NILAI, 15 Okt - Dua pelajar antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Pertandingan Sanggar Puisi Nur Fitri 1429 Hijrah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Tiga pelajar tersebut ialah Alagie Bah dari Gambia dan Ma Shu Ying dari China selain pendeklamator pelajar Malaysia, Ramza Izani Othman dengan diringi irama gabus oleh Mohd Zulhafis Zulkepli.

Peserta UPM mendeklamasikan sajak bertajuk 'Pagi Yang Syahdu' karya Prof. Madya Dr Lim Swee Tin yang juga telah dinobatkan sebagai puisi terbaik pada malam itu.

Program julung kali diadakan di USIM itu merupakan satu program yang menggabungkan pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa untuk menyampaikan puisi bagi meraikan kedatangan Syawal 1429 Hijrah.

Pertandingan itu disertai lima kumpulan daripada empat buah universiti iaitu UPM, USIM (tempat kedua), INTI College (tempat

ketiga) dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Peserta UPM membawa pulang RM500 dan trofi sementara bagi hadiah puisi terbaik RM250.

Pertandingan tersebut menggabungkan persembahan seni vokal puisi, syair dan nazam.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed berkata pertandingan itu telah memberikan peluang kepada pelajar antarabangsa untuk mendekati diri dalam komuniti kampus.

Barisan juri yang mengadili pertandingan pada malam itu terdiri daripada penyanyi lagu puisi Siso, penyair Syukri Abdullah dan Rahimudin Zahari.

Turut hadir pada malam itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Mohd Noor, Timbalan Naib Canselor (HEPA) USIM, Prof Dato Dr. Mohamed Asin Dollah dan juga Pengerusi FINAS, Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin.

Serambi Cerikas

Dr. Lim Swee Tin
Jabatan Bahasa Melayu, FBMK
UPM

Lelaki Dengan Tali

Lelaki itu dikatakan gemar benar bermain dengan tali. Semua orang mengetahuinya. Mengetahuinya kegemarannya bermain dengan tali. Di tangannya konon selalu dipegangnya tali; ada tali besar, ada tali kecil, tali pendek dan tali panjang, ada juga tali kasar, tali halus, dan bermacam-macam tali yang ada padanya.

Tali itu dibawa ke mana-mana. Oleh sebab dia menyukai tali, lalu dibawanya tali itu ke mana-mana. Di mana-mana orang dapat melihat dia memegang tali. Kalau tidak tangan kanan, tali akan ada pada tangan kirinya. Kalau tidak tangan kiri, tali akan tergegnang di tangan kanannya. Selalu juga ditemui orang dia memegang pada kedua-dua tangannya. Tangannya penuh dengan tali.

Dia tidak mengindahkan sangat pandangan orang-orang itu. Mengapakah hendak dipedulikan? Untuk apa perlu dikisahkan? Pernah dengan ringkas dia mengomentari. Dia suka tali. Dia akan sentiasa memegang talinya, ke mana sahaja dia pergi, dan di mana-mana sahaja dia berada. Dia berasa puas kalau dapat memegang tali-talinya.

Suatu hari, dia membentahu orang ramai bahawa tali itu kata-katanya. Kata-katanya adalah tali. Tali yang dipegangnya, tali yang digenggamnya, tali yang dibawanya ke mana-mana! Tali adalah kata-katanya, kata-katanya adalah talinya.

"Tak takutkah saudara," suatu hari sela seorang pemuda kepadanya. "Manalah tahu tali itu akan membelit saudara."

Lelaki itu hanya tersenyum. Dia tidak mengulas apa-apa. Dia hanya tersenyum. Senyumnya pula merunjukkan yang dia senang dengan pertanyaan itu. Si pemuda sedikit hairan. Pada pandangannya, lelaki itu akan memberikan reaksi kepada keraguannya.

"Saudara pula bukannya memegang seutas dua tali. Saudara pegang banyak tali! Lihat, di tangan saudara ada puluhan, ada ratusan tali." Pancing pemuda itu.

"Apa tah lagi, saudara sendiri mengakui tali itu kata-kata saudara, dan kata-kata saudara adalah tali itu," kesal pemuda.

Akan tetapi, lelaki itu terus memberikan senyumnya, senyuman yang menunjukkan dia senang dengan kata-kata lelaki itu. Di wajahnya tiada menunjukkan apa-apa kegusaran. Dia cukup bersahaja. Apa yang perlu digusarkan, desis kecil hatinya. Sehingga pemuda itu kini dikelilingi pelbagai tanda tanya.

Namun, kemudiannya tanda tanya si pemuda itu berubah menjadi beripat kali ganda apabila dia mendapat tahu lelaki itu semakin galak dengan talinya. Semakin galak membawa tali ke mana-mana. Dipegangnya tali, dilepaskannya tali. Dilemparnya tali, dipungutnya tali. Dilambungnya tali. Diputar-putarkannya tali. Tali mula berbelit satu sama lain. Tali kian bersebat jadinya. Tali mengikat tali. Tali memintal tali. Tali membelit dirinya!

Talinya saling bertukar ganti dengan kata. Dilepaskannya kata, ditelannya kata. Dilaungkannya kata, ditempikkannya kata. Kata bersilang dengan kata. Kata berselisih dengan kata. Kata berpulas-pulas, berputar-putar. Tali dan kata, kata dan tali.

Dan, lelaki itu semakin tidak peduli. Dia terus mengikat, menyentap! Tali membelit kejak tubuhnya. Juga kata. Nafas lelaki itu mula tersekat-sekat, tercungap-cungap. Pemuda meluru ke arahnya. Selain pemuda itu, beberapa orang lagi berlari ke arahnya. Kemudian, bertambah ramai manusia berkerumun melihatnya. Nafasnya jadi lambat-lambat. Tali yang membelit lehernya, tangan kakinya, tubuhnya bagai tak mungkin terungkaikan lagi. Kata yang berpusar-pusar bagai arus sesat di dasar, tiada lagi tangan yang mampu menjangkaunya.

Semuanya cemas. Belitan mengikat. Kerongkongnya tersekat! Sudahnya, lidah lelaki itu terjelir. Keesokan hari, beberapa akhbar melaporkan beritanya!

UPM Juara Zapin MAKUM

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

SERDANG, 4 Dis - Pasukan Zapin Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Festival Zapin anjuran Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dengan mempersembahkan tarian Zapin Seri Bunian mengalahkan 17 penyertaan universiti lain.

UPM selaku johan membawa pulang wang tunai RM2 ribu, sijil dan piala iringan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan.

Naib Johan dimenangi oleh Universiti Malaya mempersembahkan Zapin Sebat Sarawak dan tempat ketiga disandang oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang membawa tarian Zapin Sarawak.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwat Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Azali Mohamed berkata festival itu merupakan anjuran bersama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang diadakan bermula 1 hingga 3 Disember 2008 di Dewan Banquet, UPM.

"Sebanyak 18 universiti berbangsa di bawah MAKUM telah



Pasukan Zapin UPM bergambar dengan Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan dan Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah

menghantar penyertaan dalam pertandingan ini.

"Festival zapin yang bercorak pertandingan ini dapat menyumbangkan kerjasama dan perkongsian ilmu yang menyeluruh bagi semua golongan terutamanya kepada pelajar," katanya.

Beliau berkata festival zapin bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam membudayakan kesenian Zapin Melayu sebagai khazanah warisan budaya.

Pertandingan itu berjaya menyuntik rasa kecintaan pelajar terhadap seni budaya dengan mengenali

dan mendalami tarian zapin.

Masyarakat Melayu menganggap Zapin sebahagian kegiatan riadah pada masa lapang di kampung dan dimainkan secara serius pada majlis keramaian, perkahwinan serta sambutan hari kemuliaan.

PNC Tunai Tanggungjawab Sosial

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

GOMBAK, 22 Okt - Keprihatinan Pejabat Naib Canselor dan Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap seorang isteri yang ditinggalkan suaminya sejak dua bulan lalu, Arina Jamaludin membuktikan organisasi terlatih tidak alpa akan tanggungjawab sosial kepada insan yang memerlukan bantuan.

Ketua BKK, Abdullah Arshad berkata tanggungjawab sosial tidak patut diabaikan biarpun se sibuk manapun tugas di pejabat kerana ia sekurang-kurangnya dapat meringankan beban insan dalam kesesahan.

"Sumbangan dan bantuan itu memberi peluang kepada pihak kami mendekati diri membantu masyarakat yang memerlukan selain dapat meluaskan perkhidmatan kemasyarakatan.

"Kami bersimpati sejurus membaca berita disiarkan di akhbar Sinar Harian mengenai nasib Arina," katanya.

Beliau berkata antara sumbangan ialah barangan dapur, kuih raya, pakaian, lampin pakai



Ketua BKK, Abdullah Arshad (dua dari kanan) memerhatikan bantuan yang disampaikan kepada ibu tunggal, Arina (kiri).

buang dan juga sedikit wang hasil kutipan yang telah dijalankan sebelum itu.

Kata Abdullah pihaknya merancang program kebajikan

akan diteruskan pada masa akan datang supaya keprihatinan terhadap insan yang memerlukan menjadi amalan setiap kakitangannya.

Sementara itu Arina meluahkan rasa dia amat bersyukur dan terharu dengan sumbangan yang diterimanya daripada pihak yang prihatin tentang nasibnya.

Bantuan Zakat RM100 Ribu Kepada Pelajar UPM

Bantuan tambahan Bank Islam RM30 ribu

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

SERDANG, - Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Bank Islam meyakinkan bantuan zakat sebanyak RM100 ribu kepada 1,000 pelajar universiti dalam Program Nur Kasih Ramadhan di sini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Azali Mohamed berkata wang yang disalurkan itu adalah hasil pemotongan gaji kakitangan UPM melalui Tabung Amanah Zakat dengan kerjasama LZS sebanyak RM70 ribu selain bantuan tambahan daripada Bank Islam sebanyak RM30 ribu.

Katanya zakat tersebut merupakan sahuhati hari raya yang diagihkan kepada pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah termasuk pelajar kurang upaya dan saudara baru.

"Bantuan ini diberikan bagi meringankan beban mereka menyambut idulfitri di samping memupuk sikap prihatinan di kalangan warga UPM," katanya pada majlis yang diadakan di Pusat Kesenian dan Kebudayaan



Pelajar UPM bersama replika cek oleh Bank Islam

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Sementara itu, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM melalui Unit Kerohanian dan Pengurusan Zakat telah menyediakan Geran Bantuan Zakat kepada 17 kolej kediaman untuk aktiviti

pelajar muslim.

"Setiap kolej diperuntukkan sebanyak RM4 ribu dan diharapkan pihak pengurusan kolej memanfaatkan sepenuhnya wang tersebut ke arah pemantapan nilai moral dalam diri pelajar," katanya.

Pada majlis itu, BHEP UPM juga turut melantik ahli jawatankuasa Kelab Al-Biruni yang terdiri daripada pelajar Melayu yang mendapat Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.5 ke atas dan majlis khatam Al-Quran.

Pelajar Ekologi Dedah Bahaya Dadah

KAJANG - Kumpulan Extreme dari Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Persatuan Pencegahan Dadah Malaysia (PEMADAM) mengajurkan program Iman Remaja Bebas Dadah yang disertai seramai 50 pelajar tingkatan 1 dan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saujana Impian, baru-baru ini.

Pengarah program Dayang Salwah Yahya berkata program tersebut memberi kesedaran mengenai masalah dadah yang semakin meruncing di negara ini.

"Golongan remaja khususnya pelajar pada masa kini perlu

didedahkan dengan bahaya penyalahgunaan dadah terhadap diri mereka dengan meningkatkan kesedaran diri anak remaja," katanya.

Menurut beliau program tersebut dapat memperkenalkan badan bukan kerajaan seperti Pemadam selain mendekatkan institusi itu dengan warga sekolah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Agung PEMADAM Datuk Kamilla Ibrahim.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah 'Solat Menuju Kejayaan' dan 'Dadah Pemusnah Impian', kuiz serta cabutan bertuah.

Pelajar Kejururawatan Bantu Anak Yatim

Oleh Khairil Sarip



Salah seorang pelajar kejururawatan (tengah) mengajar anak yatim semasa program berlangsung.

KAJANG, 15 Okt - Seramai 22 orang pelajar Bachelor Kejururawatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan program khidmat masyarakat di Rumah Kebajikan Anak Yatim Nurhikmah, Kajang, Selangor baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu bertemakan 'Bakti Disemai Kasih Dituai' diadakan untuk menjalankan khidmat masyarakat kepada 40 anak yatim di sini.

Antara aktiviti yang diadakan seperti persembahan, jamuan makan, pakaian, duit raya, sukaneka dan kuiz, senamrobik dan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan rumah anak yatim.

Aktiviti program kesihatan yang dibuat ialah ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan dan pembahagian anak yatim mengikut kumpulan pelajar un-

tuk merapatkan hubungan antara kedua belah pihak.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Dr. Azhar Md. Zain dalam ucapan perasmian berkata pelajar-pelajar masa kini perlu mengimbangi pembangunan fizikal dan insaniah untuk mengelakkan pembangunan rohani merosot.

"Melalui program sebegini pelajar-pelajar dapat menunjukkan tanggungjawab mencurahkan bakti kepada golongan yang memerlukan," katanya lagi.

Beliau berkata program bakti siswa ini menekankan kemahiran insaniah iaitu, mengamalkan sikap beretika dan mengambil peranan pemimpin.

Katanya, penganjuran aktiviti sebegini diharap dapat diteruskan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang intelektual, fizikal dan rohani di samping merapatkan hubungan UPM dengan masyarakat luar.

Pelajar Ekologi Bantu Anak Yatim Nur Hikmah

KAJANG, 10 Nov - Seramai 30 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Nur Hikmah diraikan dalam program 'Bersama Anak Yatim' oleh sembilan pelajar Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini baru-baru ini.

Pengarah projek pelajar, Mohd Helmi Mustafa berkata program itu diadakan untuk menyuburkan sifat bantu-membantu di kalangan pelajar terhadap golongan yang kurang bernasib baik di samping mengeratkan hubungan

silaturrahim sesama insan.

Beliau berkata selain menjalankan aktiviti dalam kampus, pelajar juga perlu peka pada persekitaran luar dari kampus khususnya terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan

bantuan seperti anak yatim.

Mohd Helmi berkata sepanjang program itu pelbagai aktiviti bersama anak yatim dijalankan dari pagi sehingga petang malah mereka bersama-sama membanting tulang membersihkan ka-

wasan persekitaran rumah anak yatim tersebut.

"Antara aktiviti berkenaan termasuk senamrobik, gotong-royong menecai aedes, menanam pokok bunga, sukaneka dan melukis poster kemerdekaan," katanya.

Beliau berharap program itu dapat membantu anak-anak yatim agar lebih berkeyakinan untuk berhadapan dengan masyarakat serta merasakan diri mereka tiada kekurangan berbanding insan lain yang mempunyai keluarga.

Stesen Sains Marin UPM di PD Tingkat Penyelidikan Biologi

Laporan khas oleh Khairil Sarif dan Khairul Anuar Muhamad Noh



Pejabat Stesen Penyelidikan Sains Marin menghadap pantai yang terpencil sepanjang 700 meter dikelilingi kehijauan rimba

Foto | Noor Azreen Awang

Tidak ramai warga Universiti Putra Malaysia (UPM) yang tahu universiti ini mempunyai stesen penyelidikan yang terletak di Port Dickson, Negeri Sembilan untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan berkaitan marin.

UPM mempunyai dua kawasan seluas 6.8 hektar dan 0.3 ekar telah dianugerahkan oleh kerajaan Negeri Sembilan bagi mencapai tujuan tersebut.

Kawasan yang dikenali sebagai Stesen Lapangan Biologi dan Stesen Penyelidikan Sains Marin (SPSM) lebih dikenali oleh warga Fakulti Sains khususnya Jabatan Biologi sebagai stesen penyelidikan, pendidikan dan pengembangan ilmu.

Lokasi stesen penyelidikan yang terletak kira-kira 50 kilometer dari UPM, di batu tujuh dan batu lapan Teluk Kemang, Port Dickson itu mula dibangunkan sejak tahun 1989 dengan nama asal Center of Oceanographic and Mariculture Study (COMAS) di bawah jagaan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia.

Kedudukan stesen tersebut strategik kerana terletak di bahagian tengah Semenanjung Malaysia menjadikan stesen tersebut menjadi tumpuan penyelidikan membuat kajian berkaitan marin.

Kepentingan stesen yang menghadap Selat Melaka itu disebabkan selat tersebut menjadi laluan yang paling sibuk di dunia dengan 50,000 kapal dagang dan kapal minyak melaluinya setiap tahun.

Ini menyebabkan Selat Melaka bukan saja merupakan sumber perikanan kepada nelayan setempat, malah menjadi tempat pencemaran bagi pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bertolak daripada faktor-faktor tersebut, UPM mendapati banyak kepentingan dan kajian mengenai eko-pelancongan, perikanan, pencemaran, hakisan pantai, sumber perikanan, oseanografi dan keselamatan boleh



Dr. Hishamuddin Omar

“Kawasan stesen tersebut mempunyai tarikan tersendiri iaitu mempunyai kawasan berpasir, pantai berbatu dan hutan yang tidak tercemar sehingga menjadi tempat persinggahan burung hemisfera selatan yang berhijrah menuju Siberia”

dibuat dan dijalankan di kawasan yang menghadap Selat Melaka.

Sejarah stesen itu bermula dengan kerja-kerja pembangunan pada tahun 1989 di bawah pentadbiran Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan diselia oleh pensyarah Fakulti Perikanan ketika itu, Dr. Hishamuddin Omar.

Dr. Hishamuddin telah dilantik sebagai penyelaras yang bertanggungjawab menjaga dan mengawasi kerja-kerja pembangunan dan pembinaan stesen

tersebut.

Pada tahun 1996 Fakulti Perikanan telah dipindahkan ke Terengganu dan stesen tersebut ditadbirkan oleh Jabatan Biologi Fakulti Sains, UPM.

Selepas fakulti tersebut dipindahkan ke Terengganu, Dr. Hishamuddin telah dipindahkan ke Jabatan Biologi dan tetap menjadi penyelaras dan diberi tugas menjaga stesen tersebut.

Pada tahun 1998, penyelaras stesen itu telah ditukar kepada Prof. Madya Dr. Siti Shapor Siraj, Prof. Madya Dr. Siti Khatijah Daud dan Dr. NorAzwady Abd Azz sebelum Dr. Hishamuddin dilantik semula menjadi penyelaras stesen.

Kawasan itu juga berfungsi sebagai destinasi rujukan dan amali pelajar Jabatan Biologi, Fakulti Sains bagi subjek Biodiversiti Haiwan, Biodiversiti Mikro Organisma dan Tumbuhan, Ekologi Hutan Tropika, Ekologi Hidupan Liar, Biologi dan Propagasi Alga Komersial, Limnologi, Oseanografi dan beberapa subjek lain.

Selain itu Jabatan Fizik,

Fakulti Sains turut menggunakan kawasan tersebut untuk menjalankan aktiviti penceraian bulan dan planet kerana kedudukannya yang sesuai dan strategik.

Dr. Hishamuddin Omar selaku Penyelaras Stesen Penyelidikan Sains Marin (SPSM) berkata stesen itu boleh memuatkan 300 orang pengunjung pada satu-satu masa untuk melakukan sesuatu aktiviti di mana bas pengunjung boleh diletakkan di dalam kawasan tersebut.

Beliau berkata bagi tujuan akademik atau ilmiah, kawasan tersebut boleh memuatkan 100 orang pelajar dan staf di mana pelajar boleh mendirikan khemah dan menjalankan aktiviti penyelidikan.

“Stesen itu mempunyai empat buah rumah penginapan yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti elektrik, air, air-cond, dapur dan lain-lain untuk digunakan oleh penyelidik dan staf UPM,” katanya lagi.

Katanya terdapat bangunan pentadbiran yang menempatkan dewan serba guna merangkap bilik mesyuarat dan dewan kuliah selain pejabat pentadbiran, bilik pensyarah, bilik air luar dan dalam serta surau untuk tujuan pembelajaran selain bilik pensyarah dan bilik untuk staf UPM.

Tambah beliau, stesen itu menempatkan satu blok makmal dan bilik persediaan untuk digunakan oleh pelajar ijazah dan sarjana.

Katanya, di situ juga terdapat Kompleks Hatchery iaitu pusat penetasan ikan dan udang yang mampu menggalakkan penyelidikan dan pembiakan ikan air tawar, air payau, udang galah dan udang harimau.

“Pusat penetasan ikan dan udang ini mempunyai tangki besar dan kecil, sistem penapisan air laut, rumah pam air laut, tangki simpanan air tawar untuk



Dekan Fakulti Sains Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz (dua dari kanan) memerhati benih udang yang ditemak oleh stesen semasa lawatan rasmi ke SPSM baru-baru ini



Empat buah rumah rehat untuk disewa oleh pelawat di puncak bukit

keperluan simpanan induk ikan dan pengeluaran benih ikan dan udang.

“UPM telah memperuntukkan sebanyak RM2.5 juta bagi membina dan menggantikan pusat penetasan baru untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan,” katanya.

